

Himpunan Titah

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanah Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Tahun 2017**





**Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

Terbitan
Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2018

Hak Cipta
Jabatan Penerangan

Penyelaras
Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Susunan/Taip Set/Kompilasi
Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

Penyemak
Ramlah binti Mohd. Nor

Reka Letak/Reka Bentuk Kulit Luar
Amdelah bin Haji Tujoh

Dicetak Oleh
EZY Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd.

Foto
Unit Fotografi, Jabatan Penerangan

ISBN
978-99917-84-04-5

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2017	1-4
Titah Sempena Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-15 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, di Padang Kawad Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kampung Tanah Jambu, pada hari Khamis, 21 Rabiulakhir 1438 Hijrah/19 Januari 2017 Masihi	5-7
Titah Sempena Sambutan Hari Polis Pasukan Polis Diraja Brunei, Negara Brunei Darussalam Ke-96 Tahun 2017, di Pusat Latihan Pasukan Polis Diraja Brunei, Gadong pada hari Sabtu, 21 Jamadilawal 1438 Hijrah/18 Februari 2017 Masihi	8-10
Titah Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-33, Tahun 2017	11-13
Titah Sempena Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara 2017, di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Kebangsaan, pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 Hijrah/6 Mac 2017 Masihi	14-17

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Titah dalam Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1438 Hijrah/2017 Masihi (Malam Ketiga) di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Khamis, 11 Jamadilakhir 1438 Hijrah/9 Mac 2017 Masihi

18-21

Titah Sempena Majlis Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara Pengambilan Ke-6, di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, pada hari Isnin, 14 Jamadilakhir 1438 Hijrah/13 Mac 2017 Masihi

22-24

Titah Sempena Menyambut Ulang Tahun Ke-25 Penubuhan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Sabtu, 26 Jamadilakhir 1438 Hijrah/25 Mac 2017 Masihi

25-27

Titah Sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1438 Hijrah/2017 Masihi, di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pada hari Isnin, 27 Rejab 1438 Hijrah/24 April 2017 Masihi

28-30

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Titah dalam Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Bagi Tahun 1438 Hijrah/2017 Masihi, di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pada hari Isnin, 17 Ramadan 1438 Hijrah/12 Jun 2017 Masihi	31-33
--	-------

Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1438 Hijrah/2017 Masihi, pada hari Isnin, 1 Syawal 1438 Hijrah/26 Jun 2017 Masihi	34-37
--	-------

Titah dalam Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1438 Hijrah/2017 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pada hari Isnin, 15 Syawal 1438 Hijrah/10 Julai 2017 Masihi	38-40
---	-------

Titah Sempena Hari Keputeraan Yang Ke-71 Tahun, di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, pada hari Sabtu, 20 Syawal 1438 Hijrah/15 Julai 2017 Masihi	41-44
---	-------

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Titah Sempena Sambutan Hari Belia
Kebangsaan Kali Ke-12, pada hari Selasa,
8 Zulkaedah 1438 Hijrah/1 Ogos 2017
Masihi 45-47

Titah Sempena Hari Raya Aidiladha Tahun
1438H/2017M 48-50

Titah dalam Majlis Konvokesyen
Ke-29 UBD, di Dewan Canselor UBD, pada
hari Khamis, 16 Zulhijah 1438 Hijrah/7
September 2017 Masihi 51-54

Titah Sempena Majlis Sambutan Hari
Ulang Tahun ABDB Ke-56 Tahun, di
Pangkalan Tentera Laut Diraja Brunei,
Muara, pada hari Ahad, 26 Zulhijah 1438
Hijrah/17 September 2017 Masihi 55-58

Titah Perutusan Sempena Menyambut
Awal Tahun Baharu Hijrah 1439, di Istana
Nurul Iman, pada hari Khamis, 1 Muharam
1439 Hijrah/21 September 2017 Masihi 59-62

Titah Sempena Majlis Sambutan Hari
Guru Negara Brunei Darussalam Ke-27,
di Dewan Plenary, Pusat Persidangan
Antarabangsa, Berakas, pada hari Selasa,
5 Muharam 1439 Hijrah/26 September
2017 Masihi 63-66

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Titah dalam Majlis Konvokesyen Kali Kelima Bagi Graduan Ijazah dan Majlis Konvokesyen Bagi Graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan Ke-26, UTB, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pada hari Sabtu, 9 Muharam 1439 Hijrah/ 30 September 2017 Masihi 67-69

Titah dalam Majlis Istiadat Mengadap Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta, di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, pada hari Khamis, 14 Muharam 1439 Hijrah/5 Oktober 2017 Masihi 70-71

Titah dalam Majlis Haflut Takharrij Ke-7 Universiti Islam Sultan Sharif Ali Bagi Tahun 1439 Hijrah/2017 Masihi, di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pada hari Isnin, 25 Muharam 1439 Hijrah/16 Oktober 2017 Masihi 72-74

Titah Sempena Majlis Konvokesyen Ke-7 Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan 1439 Hijrah/2017 Masihi, di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pada hari Rabu, 5 Safar 1439 Hijrah/25 Oktober 2017 Masihi 75-78

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Titah dalam Majlis Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Asia Tenggara Kali Ke-8 Tahun 1439/2017, di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pada hari Khamis (Malam Jumaat), 7 Safar 1439 Hijrah/26 Oktober 2017 Masihi 79-81

Titah dalam Perasmian Majlis Ilmu 2017 Sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Yang Ke-71 Tahun, di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pada hari Selasa, 18 Safar 1439 Hijrah/ 7 November 2017 Masihi 82-84

Titah Sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-24, Tahun 1439 Hijrah/2017 Masihi, di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pada hari Rabu, 3 Rabiulawal 1439 Hijrah/22 November 2017 Masihi 85-88

Titah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1439 Hijrah/2017 Masihi, di Istana Nurul Iman, pada hari Khamis, 11 Rabiulawal 1439 Hijrah/30 November 2017 Masihi 89-91

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Titah Semasa Majlis Bersama Rakyat dan
Penduduk Negara Brunei Darussalam
di United Kingdom dan Eire Bagi
Tahun 1439H/2017M, pada hari Ahad,
28 Rabiulawal 1439 Hijrah/17 Disember
2017 Masihi

92-94

Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2017

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya jua, kita kini sedang melangkah ke ambang Tahun Baharu Masihi 2017.

Kita akan meninggalkan Tahun 2016 dengan seribu kenangan, di antaranya ialah kenangan manis dapat menikmati keamanan dan kemakmuran di negara yang bertuah ini. Maka untuk itu, marilah kita sama-sama merafakkan syukur serta doa, semoga keadaan yang seperti ini akan dapat pula dinikmati dalam tahun 2017.

Keamanan adalah penting, kerana tanpa keamanan, pembangunan tidak akan dapat dilaksanakan. Oleh itu, rukun keamanan, mustahaklah dipelihara dan diamalkan, iaitu memegang kuat ajaran agama, mematuhi undang-undang serta hidup dalam keadaan harmoni dan bersatu padu. Inilah rahsia keamanan itu.

Namun perlu diingat, anasir-anasir anti keamanan dan ketenteraman tidak pernah lupa untuk mengeruhkan keadaan. Mereka tidak pernah sealiran tujuan dengan kita. Kerana itu kita perlu berhati-hati terhadap mereka itu.

Ini adalah tanggungjawab besar semua pihak, terutama, siapa yang secara khusus ada berkaitan dengan keselamatan.

Usaha-usaha juga perlu diambil untuk menghadapi ancaman yang datangnye daripada dunia siber dan media sosial, termasuk juga untuk memperkukuh lagi perkongsian strategik dengan institusi-institusi keselamatan siber antarabangsa.

Dari sudut ekonomi, dunia kita masih saja mengalami keadaan ekonomi tidak menentu. Namun kita bersyukur, dengan langkah-langkah pembaharuan yang diambil serta pendekatan *whole-of-nation*, maka dapatlah kita menyaksikan peningkatan kedudukan negara dalam *Ease of Doing Business* sebagaimana laporan oleh Bank Dunia.

Pencapaian ini terhasil daripada komitmen dan kerjasama erat di antara agensi-agensi kerajaan dan lain-lain pihak yang berkepentingan. Namun kita tidak wajar untuk cepat berpuas hati, tetapi sebaliknya perlu lebih aktif dan lebih tinggi semangat pada meningkatkan lagi pencapaian tersebut.

Seperti yang berlaku di mana-mana, kita juga adalah mempelawa pelabur-pelabur langsung asing untuk melabur di negara ini. Pada setakat ini alhamdulillah, beberapa Pelaburan Langsung Asing (FDI) telah pun mula bertapak di negara ini, manakala pelbagai program dan inisiatif juga ada dirancang dan dilaksanakan bagi membantu golongan peniaga dan pengusaha tempatan, terutama Pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana atau MSME. Ini adalah satu harapan, bahawa ekonomi negara sedang dipacu, untuk menjadikannya berdaya tahan.

Beralih kepada Perkhidmatan Awam di negara ini, beta ingin melihat ianya terus meningkat dan produktif. Beta percaya masih banyak lagi yang boleh diperbaiki, terutama mengenai penerapan nilai-nilai utama dalam Perkhidmatan Awam. Beta mahu supaya jentera kerajaan kaya dengan disiplin dan kaya dengan amanah dalam menjalankan tugas, sebagai cara untuk kita meraih berkat dalam perkhidmatan.

Di bidang pendidikan, usaha adalah sedang dibuat untuk memperluaskan saliran pendidikan di samping mempertingkatkan kualiti bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Keutamaan ialah memperkasa kualiti guru untuk menjadikan mereka itu individu-individu pendidik yang berprestasi tinggi.

Di arena antarabangsa, kita akan sentiasa memainkan peranan positif ke arah kesejahteraan dan keamanan serantau mahupun global. Secara jujur, kita mengharapkan supaya ASEAN akan terus kekal menjadi pertubuhan serantau yang sentiasa dihormati kerana prinsip-prinsipnya yang jelas untuk kebajikan. Pada tahun 2017 ini, kita akan merayakan Ulang Tahun ASEAN Ke-50. Adalah diharapkan supaya kerjasama yang baik akan terus berlangsung di antara negara-negara ahli ASEAN, demi untuk kepentingan Wawasan Komuniti ASEAN 2025.

Menjelang tahun 2017 ini, akan berlaku satu lagi sejarah, apabila insyaaAllah, negara akan merayakan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun beta menaiki takhta. Sambutan ini sangat besar ertinya, sebagai cara, untuk kita menghargai sejarah.

Dalam perayaan yang dirancang, beta berharap semua pihak akan mengamalkan sifat bersederhana. Apa yang penting ialah perayaan atau sambutan sebagai sifatnya 'petanda' bagi sejarah. Sejarah adalah 'lidah' zaman, yang akan berkata-kata kepada generasi demi generasi tanpa pernah mengenal penat atau bosan. Itulah harga sejarah.

Sifat sederhana di sini, termasuk memberi keutamaan apa yang utama. Namun, bukanlah menjadi tujuan kita untuk menyempitkan wawasan bagi masa depan yang panjang.

Untuk akhirnya, bersempena dengan tahun baharu ini, beta ingin mengabadikan harapan supaya rakyat dan penduduk negara ini menguatkan azam dan usaha ke arah menjadikan diri masing-masing lebih proaktif, kreatif dan berintegriti dalam menghadapi segala cabaran.

Beta juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peringkat dalam Perkhidmatan Awam, pasukan-pasukan keselamatan dan sektor swasta di atas usaha ikhlas mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing pada sepanjang tahun 2016.

Beta dan keluarga beta juga tidak lupa merakamkan ucapan Selamat Tahun Baharu Masihi 2017 kepada seluruh rakyat dan penduduk. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala melimpahkan rahmat-Nya berupa hidayat, kesihatan, keamanan dan kemakmuran kepada kita semua dan negara.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Upacara Sovereign's Parade
Pengambilan Ke-15 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi
Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei,
di Padang Kawad Akademi Pertahanan Angkatan
Bersenjata Diraja Brunei, Kampung Tanah Jambu,
pada hari Khamis, 21 Rabiulakhir 1438 Hijrah/
19 Januari 2017 Masihi**

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BERSYUKUR kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala atas segala limpah rahmat-Nya, sehingga kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bagi menyaksikan Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-15, Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Beta dengan amat sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada 29 orang Pegawai Kadet yang telah berjaya menamatkan latihan dengan mempamerkan pertunjukan perbarisan yang sangat baik. Syabas juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat, terutama para ibu bapa dan kaum keluarga di atas sokongan padu mereka kepada pegawai-pegawai berkenaan pada sepanjang latihan selama 52 minggu.

Pada pengambilan kali ini, beta difahamkan di antara mereka yang akan menerima tauliah adalah 2 orang Pegawai Kadet pemegang biasiswa, Pemerintah Tertinggi dan seorang pemegang biasiswa, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Sejak Sekolah Pegawai Kadet ditubuhkan pada tahun 2008, ia telah berjaya menghasilkan seramai 336 Pegawai Tentera yang berkaliber. Ini adalah amat membanggakan, dan sekarang, terdapat

di antara mereka yang telah menjadi jurulatih di Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, khasnya di Sekolah Pegawai Kadet sendiri.

Seterusnya, beberapa orang pegawai wanita lepasan Sekolah Pegawai Kadet, juga telah berjaya menerokai bidang kerjaya yang sebelum ini hanya terhad kepada pegawai lelaki sahaja, misalnya juruterbang tentera wanita dan baru-baru ini, seorang nakhoda wanita untuk Kapal Diraja Brunei.

Manakala di arena antarabangsa pula, sebahagian mereka juga pernah atau masih mengikuti misi United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL), Pasukan Pemantau Antarabangsa (IMT) di Mindanao, Republik Filipina, dan sebagai Pegawai Perhubungan Antarabangsa di Information Fusion Centre, Republik Singapura.

Beta sangat berbangga dengan pencapaian-pencapaian ini.

Dalam melahirkan barisan pemimpin yang kompeten dan berwibawa, beta menyeru supaya ditingkatkan lagi standard latihan, sambil menerapkan nilai-nilai kepimpinan mengikut ajaran Islam dan falsafah Melayu Islam Beraja.

Kerjasama latihan di antara Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan sekolah-sekolah Pegawai Kadet luar negara juga adalah berguna. Latihan dua hala di peringkat awal dengan angkatan-angkatan tentera negara sahabat, terutama di kalangan negara-negara ASEAN, adalah mampu untuk mengukuhkan lagi platform Diplomasi Pertahanan. Langkah seperti ini penting dalam usaha untuk mencapai keselamatan dan kestabilan serantau dan antarabangsa.

Demi kepentingan masa depan, beta berharap Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan terus melahirkan pemimpin-pemimpin tentera yang berjaya, bukan sahaja dalam bidang kerjaya biasa malahan juga mempunyai kepakaran dan kebijaksanaan dalam mengatur dan membentuk strategi yang diperlukan.

Inilah antara kewajipan utama ABDB selaku tonggak pertahanan negara.

Akhir kata, beta ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh warga Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, khususnya Komandan Akademi Pertahanan, Pegawai Pemerintah Sekolah Pegawai Kadet, 'Colour Sergeants' dan pegawai-pegawai serta semua jurulatih yang telah bertungkus lumus melatih dan mendidik Pegawai-pegawai Kadet sehingga ke peringkat ini.

Maka, dengan merafakkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, beta dengan sukacita mengurniakan tauliah sebagai Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada 29 orang Pegawai Kadet Pengambilan Ke-15.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Sambutan Hari Polis Pasukan Polis
Diraja Brunei, Negara Brunei Darussalam
Ke-96 Tahun 2017,
di Pusat Latihan Pasukan Polis Diraja Brunei, Gadong,
pada hari Sabtu, 21 Jamadilawal 1438 Hijrah/
18 Februari 2017 Masihi**

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

SYUKUR alhamdulillah, Pasukan Polis Diraja Brunei kini telah genap 96 tahun usia penubuhannya. Ini memberi makna Pasukan Polis Diraja Brunei telah cukup matang untuk menghadapi apa saja cabaran.

Memang Pasukan Polis Diraja Brunei sarat dengan cabaran, terutama dari gelombang globalisasi dan dunia tanpa sempadan.

Kerana itu, Pasukan Polis Diraja Brunei perlu meningkatkan daya usaha dalam menguatkuasakan undang-undang. Peranannya sangat besar untuk kestabilan, keamanan dan keselamatan negara.

Maka untuk itu, Pasukan Polis Diraja Brunei perlu mengemaskan organisasinya, di samping aktif melakukan perubahan-perubahan yang diperlukan. Perubahan-perubahan tersebut termasuk ke arah memperkaya minda dan memantapkan etika, selaku pihak penguat kuasa undang-undang.

Di sini, kita juga jangan lupa untuk meningkatkan perkhidmatan berdisiplin, berintegriti, telus dan berkualiti, sesuai dengan cabaran-cabaran yang sering dihadapi.

Soal integriti dan etika ini memang sangat diperlukan, kerana ia berhubung rapat dengan kerja-kerja kepolisan dan juga menjadi prasyarat dalam perkhidmatan. Ianya penting sebagai jaminan untuk menentukan perkhidmatan oleh pasukan kepada *stakeholders* atau masyarakat adalah cemerlang.

Sudah sampai masanya, dasar Etika Polis atau *Police Ethics* diresapkan dalam pentadbiran pasukan. Dengan adanya ini, beta percaya, akan dapat mengelakkan perkhidmatan lemah, tidak amanah, kurang dipercayai dan mana-mana juga elemen negatif yang dapat memudaratkan organisasi pasukan.

Pasukan perlu mempunyai etika kerjanya yang jelas, untuk membolehkan perlaksanaan tugas secara kerja keras, cerdas, ikhlas dan tidak mengharapkan apa-apa balasan dari pekerjaan yang dilakukan.

Seseorang yang memiliki etika kerja yang sihat, mampu untuk bekerjasama secara sihat pula, tanpa membeza-beza status sosial dan bangsa, serta pandai menghormati orang lain.

Jika ini dikuatkan, pasukan pasti akan bertambah kuat dan akan lebih-lebih lagi mendapat kepercayaan daripada masyarakat. Apabila wujud kepercayaan di pihak masyarakat, bererti kerjasama di antara pihak pasukan dan orang ramai, akan lebih mudah terjalin. Ini juga dengan sendirinya menjadi pemangkin kepada perpaduan dan keharmonian yang sebenar-benarnya.

Untuk membantu menjayakan kerja-kerja kepolisan, maka komitmen orang ramai memang diperlukan. Namun ini, bukan bermakna pihak pasukan hanya tahu menunggu atau terlalu bergantung kepada orang ramai.

Ini kalau berlaku, sudah tentu akan menjadikan pasukan lemah.

Kita tidak mahu pasukan lemah. Jika pasukan lemah, pintu jenayah akan sukar untuk ditutup, dan jika pintu jenayah tidak

dapat ditutup, maka jenayah pun mudah berkembang, sementara negara tidak akan mampu membanterasnya kerana mekanisme keselamatan adalah lemah.

Kuasai teknik dan cara bertindak, terutama cara mencegah dan menyiasat, bukan hanya setakat merekod berapa banyak kes jenayah, tetapi kurang berhasil menyelesaikannya.

Secara semula jadi, jenayah adalah merupakan satu fenomena yang kompleks. Ia mesti dibanteras. Tidak ada kompromi baginya.

Jenayah bukan saja menjadi ancaman kepada individu, malah juga kepada negara keseluruhannya. Kerana itu Pasukan Polis Diraja Brunei perlu mempertingkatkan kapasiti dan kapabilitinya, setanding dengan pasukan-pasukan yang cemerlang di dunia.

Akhir kata, beta ingin mengingatkan supaya Pasukan Polis Diraja Brunei tidak hanya tahan-tahan di tahap yang ada tetapi mesti berubah dan mencari jalan ke arah yang lebih baik lagi. Tingkatkan integriti dan kewibawaan dalam perkhidmatan supaya mampu untuk menangani pelbagai isu dan cabaran.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Titah Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-33, Tahun 2017

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

MARILAH kita merafakkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat menyambut Hari Kebangsaan Yang Ke-33 pada tahun ini dalam keadaan aman dan makmur.

Pada tahun ini, kita menyambutnya dengan tema 'Menjayakan Wawasan Negara'. Tema ini sangatlah bersesuaian setelah tiga tahun berturut-turut kita memakai tema 'Generasi Berwawasan'.

Wawasan Brunei 2035 telah menetapkan Tiga Matlamat Utamanya. Bagi merealisasikan matlamat ini, beta telah pun memperkenalkan Kerangka Kerja, yang antara lain, menggariskan bidang-bidang utama yang perlu diberikan perhatian serta ke arah pencapaian hasil-hasil yang perlu dicapai. Peneraju-peneraju bagi setiap strategi juga telah dilantik.

Kita tidaklah wajar membiarkan wawasan ini sebagai satu retorik intelektual semata-mata, yang cuma indah dalam sebutan. Tetapi kita mesti melaksanakannya dengan penuh komitmen dan bersungguh-sungguh. Kita perlu bertindak lebih tangkas bagi menghasilkan impak yang tinggi yang boleh menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

Untuk ini semua, kita diperlukan terlebih dahulu untuk bersatu padu. Jangan berpecah-belah. Pastikan semua usaha yang dibuat adalah secara muafakat, relevan dan menepati peredaran masa. Inilah rahsia atau kunci kejayaan bagi Wawasan Negara 2035.

Ini, meliputi untuk semua, sama ada sektor kerajaan mahupun swasta adalah mustahak untuk memupuk kerjasama dan persefahaman, dalam makna, semua kita adalah dikehendaki untuk bekerja dalam satu pasukan tanpa melakukan perkara-perkara yang menyalahi peraturan atau undang-undang.

Walaupun kita sudah memiliki infrastruktur, teknologi, peralatan, mekanisme dan sistem yang baik, namun jika 'dalaman' kita tidak baik, maka hasilnya tetap tidak baik juga. Misalnya apabila di dalam kerajaan terdapat mekanisme yang 'korup', maka sekalipun ianya dari kalangan ilmuwan dan mempunyai kemahiran tinggi, namun sikapnya yang 'korup' itu tidak akan menolong untuk membawa kebaikan, malah sebaliknya menjerumuskan negara kepada keburukan.

Iniilah yang perlu kita kawal untuk mengelakkan negara dari mengalami perkara-perkara yang tidak diingini.

Kita sudah melihat atau mendengar, banyak kejadian yang tidak diingini berlaku di mana-mana, seperti amalan-amalan pecah amanah, rasuah dan lain-lain. Kita juga turut mengetahui, bahawa tempat-tempat yang dilanda oleh gejala-gejala seperti ini tidak sunyi dari mengalami pelbagai kesusahan. Oleh itu, dalam hubungan ini, Brunei mestilah selalu waspada, sambil mengambil iktibar daripadanya.

Pengisian Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini, eloklah lebih menekankan kepada pembentukan sifat-sifat dalaman yang sihat, seperti jujur, amanah dan setia. Tanpa semua sifat-sifat ini, jentera kehidupan atau jentera pentadbiran tidak akan dapat berjalan baik, bahkan sebaliknya boleh bermasalah dan lemah.

Semua program adalah wajar bersifat ilmiah dan bercorak inklusif serta mampu untuk merentasi semua generasi. Tujuan kita dengan ini, ialah supaya semua peringkat, secara sambung-bersambung, akan dapat memahami erti sebenar kemerdekaan.

Maka dengan itu, barulah nanti akan dapat diharapkan semua pihak, khasnya para generasi yang menyusul kemudian, akan benar-benar terikat kepada menghargai dan menyayangi kemerdekaan.

Seyogianya diingat, bahawa kemerdekaan adalah sebahagian dari sejarah bangsa, dan malah merupakan ‘mahkota’ bangsa. Mencuaikan kemerdekaan bermakna mencuaikan sejarah, serta sekali gus ‘menyambaranakan’ mahkota bangsa.

Akhirnya, beta dengan ikhlas merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peserta dan petugas serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi serta Ahli-ahli Jawatankuasa yang sama-sama berusaha dalam menjayakan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-33 pada tahun ini.

Beta juga merakamkan ucapan penghargaan kepada semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini termasuk semua peringkat warga Perkhidmatan Awam, meliputi juga mereka yang bertugas di luar negara, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta dengan iringan doa, semoga kita dan negara akan sentiasa terpelihara dan mendapat perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata’ala jua. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat
Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-13
Majlis Mesyuarat Negara 2017,
di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Kebangsaan,
pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 Hijrah/
6 Mac 2017 Masihi**

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat pula bersama-sama di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Beta terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli di atas pelantikan semula dan juga Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara yang baru dilantik.

Beta juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada bekas Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara di atas sumbangan mereka di dalam persidangan-persidangan majlis yang lalu.

Beta berharap dengan pelantikan ahli-ahli baru, akan membawa kesan yang baik dan positif kepada persidangan ini. Beta percaya ahli-ahli akan dapat menanai tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka dan bebas dalam memberikan apa jua pandangan.

Dalam persidangan inilah ahli-ahli akan berpeluang untuk membincang atau membahas isu-isu yang dianggap mustahak.

Di antara isu mustahak itu ialah yang berkaitan dengan ekonomi.

Kita semua sudah maklum, bahawa keadaan ekonomi dunia terus mengalami ketidaktentuan, walaupun pada akhir-akhir ini harga minyak dunia menunjukkan tanda-tanda positif.

Namun begitu kita masih saja perlu terus berwaspada kerana harga minyak dunia dijangka berada pada paras yang rendah tanpa mungkin dianggarkan tempohnya. Maka kerana itu, kerajaan beta perlu terus giat untuk mempelbagaikan ekonomi negara.

Alhamdulillah, sejak kebelakangan ini usaha ke arah ini sudah mula menampakkan kesannya walaupun hasil yang diraih masih memerlukan masa.

Dari segi pelaburan, kita mula mendapati banyak pelabur-pelabur asing telah memberikan perhatian mereka terhadap potensi negara sebagai destinasi pelaburan yang berdaya maju. Beberapa projek Pelaburan Langsung Asing akan memulakan operasi mereka, sementara ada juga yang sudah di tahap pelaksanaan, sedang beberapa cadangan pelaburan baru lagi masih dalam penelitian.

Perkembangan ini tentunya positif, ia bukan saja dari sudut pengukuhan ekonomi malahan juga kesan limpahannya akan dapat kita perolehi. Dari peningkatan aktiviti ekonomi akan membawa lebih banyak lagi wujudnya peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan untuk warga tempatan.

Namun, dengan perkembangan ini janganlah pula kita cepat-cepat berpuas hati. Tetapi usaha pembaharuan adalah masih perlu diteruskan kerana transformasi ekonomi memerlukan perancangan jangka panjang.

Matlamat kita ialah untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi perdagangan dan pelaburan yang menarik.

Selaras dengan ini, beta telah pun memperkenalkan untuk diwujudkan Zon Perdagangan Bebas (Free Trade Zone). Dengan

wujudnya zon ini, akan memudahkan lagi aktiviti pelaburan terutama dalam sektor pembuatan.

Satu lagi keutamaan kerajaan beta ialah meningkatkan nilai dan prestasi Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs). Syarikat-syarikat ini, termasuk syarikat-syarikat yang ditubuhkan melalui usaha sama dengan pelabur-pelabur asing, akan mampu untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, khasnya di sektor bukan minyak dan gas.

Di samping itu, sektor swasta juga akan terus diberi keutamaan untuk membina keupayaan dalam aktiviti-aktiviti Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME).

Selaras sebagai usaha menyediakan asas yang kukuh bagi perkembangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana ini, beta telah pun memperkenankan penubuhan SME Bank.

Penubuhan bank ini dapatlah diharapkan untuk menyediakan kemudahan pinjaman kewangan yang mudah (*accessible financing*), bagi mendukung aktiviti-aktiviti perniagaan di negara ini. Bank ini akan beroperasi berdasarkan konsep Syariah (Syariah compliant).

Apapun rancangan, semuanya turut bergantung kepada sumber tenaga manusia. Inilah masalah kita. Di Brunei, sumber tenaga tempatan masih saja bermasalah. Di samping masalah terlalu memilih kerja, juga jadi masalah ialah, sudah dapat kerja di sektor swasta, tetapi tidak kekal lama, hanya sebulan atau seminggu dua sahaja sudah berhenti, balik semula memilih jadi penganggur.

Berkaitan ini, beta telah memperkenankan satu program *Apprenticeship* untuk diwujudkan khusus bagi graduan-graduan yang masih mencari pekerjaan. Program ini akan dilancarkan pada bulan April 2017 insyaaAllah. Ia akan dikenali Program I-RDY (i-ready), khusus sebagai platform bagi para graduan memasuki alam pekerjaan, sama ada di sektor swasta atau sektor awam.

Menyentuh mengenai keperluan tenaga manusia, penyediaan asas ilmu pengetahuan adalah utama. Maka ke arah ini, pencapaian penuntut-penuntut dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat menengah adalah perlu untuk diberikan penekanan.

Maka untuk itu, agensi-agensi berkenaan perlulah merangka perancangan yang *actionable* dan realistik serta *cost-effective*, agar semua isu dapat ditangani secara berkesan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Juga perlu diambil perhatian, bahawa pendidikan masa kini, tidak hanya terhad di bilik-bilik darjah sahaja, tetapi banyak ilmu, maklumat dan kemahiran boleh diperolehi melalui penggunaan teknologi internet, yang boleh diakses dengan mudah dan cepat.

Namun dalam keghairahan memanfaatkan teknologi canggih ini, kita juga dikehendaki supaya jangan lalai dari anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab, yang menggunakan teknologi untuk tujuan-tujuan keburukan, termasuk penggunaan media sosial untuk menyebarkan berita-berita palsu dan fitnah. Semua ini boleh mengundang kepada bencana.

Beta berharap, semua pihak perlu turut menyedari dan mengambil perhatian serius mengenainya.

Akhirnya, beta berharap Persidangan Majlis Mesyuarat Negara tahun ini akan memberikan lebih tumpuan kepada perkara-perkara strategik untuk mengukuhkan lagi kemajuan sosioekonomi negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga diharapkan dapat mengemukakan pandangan-pandangan dan saranan-saranan bernas tanpa takut-takut atau ragu-ragu untuk kepentingan masyarakat dan negara.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah dalam Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran
Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi
Tahun 1438 Hijrah/2017 Masihi (Malam Ketiga),
di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas, pada hari Khamis,
11 Jamadilakhir 1438Hijrah/9 Mac 2017 Masihi**

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur dapat bersama dalam majlis pada malam ini iaitu malam ketiga dan terakhir acara Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1438 Hijrah bersamaan 2017 Masihi.

Beta difahamkan, ramai belia yang muncul dalam semua peringkat pertandingan. Ini adalah pertanda baik, adanya minat yang besar para belia untuk mempelajari bacaan Al-Quran sehingga ke tahap pertandingan.

Untuk sampai ke satu tahap peningkatan dari segi bacaan, Brunei perlu mempunyai kemudahan untuk mempelajari bacaan Al-Quran secara bertarannum.

Dalam masa yang sama, beta juga mahu supaya pelajaran agama yang ada setakat kini hendaklah terus diperhatikan. Maksud beta, supaya mata-mata pelajaran di sekolah-sekolah agama dan sekolah-sekolah umum mestilah sentiasa dinilai keberkesanannya.

Mengapa ini perlu? Kerana berdasarkan hasil kajian ke atas mutu bacaan Al-Quran dan kesempurnaan ibadat sembahyang di kalangan murid-murid dan pelajar-pelajar di semua peringkat persekolahan

dan pengajian adalah amat membimbangkan. Kajian telah dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan, setelah beta sendiri memintanya untuk dibuat pada tahun lepas.

Di antara hasil kajian itu menunjukkan bahawa kira-kira 81 peratus murid dan pelajar adalah tidak melakukan sembahyang secara konsisten. Manakala 4 peratus pula tidak pernah mengerjakan sembahyang langsung.

Kemudian dalam bidang membaca Al-Quran pula, hanya 41 peratus sahaja yang membacanya secara konsisten, sementara 65 peratus adalah mereka yang masih merasakan kurang berkebolehan membaca dengan bertajwid.

Dari statistik ini, menunjukkan pelajaran sembahyang dan Al-Quran adalah masih perlu diperhatikan. Di sana masih wujud kelemahan, dan mengapa lemah, tentu saja berpunca dari faktor pengajaran dan pengawasan yang kurang berkesan.

Ini tidak dapat disangkal lagi. Kalau guru lemah dan sistem pincang, maka murid dan pelajar juga pasti mengikut lemah dan pincang.

Inilah rahsianya, jika guru dan sistem pendidikan lemah. Kerana itu janganlah diabaikan sama sekali faktor guru dan sistem. Kalau berlaku kelemahan maka segeralah memeriksa guru dan sistem, bukannya menyalahkan murid dan pelajar.

Guru dan sistem adalah ibarat 'acuan', sementara murid dan pelajar pula adalah hasil daripada acuan itu. Kalau acuan bagus, tentu saja apa yang terhasil akan pasti bagus juga.

Kerajaan beta telah pun mewajibkan pendidikan agama menerusi persekolahan agama dan persekolahan umum. Dasar ini beta lihat telah disambut baik oleh ibu bapa. Buktinya, orang ramai khasnya ibu bapa adalah begitu ghairah terhadap pendidikan agama sehingga selain menyekolahkan anak-anak ke sekolah agama, ibu bapa juga

ada yang sampai menggunakan khidmat guru *private* bagi mengajar tambahan anak-anak mereka mengaji Al-Quran dan membaiki amali sembahyang.

Ini juga sangat bagus. Cuma tinggal saja lagi, orang ramai dan pihak-pihak berkenaan, hendaklah memastikan, yang guru-guru *private* itu, sama ada mereka berjawatan guru agama ataupun jawatan-jawatan khas lain adalah dikehendaki untuk mempunyai tauliah mengajar Al-Quran atau agama daripada Majlis Ugama Islam.

Ini adalah selaras dengan ketetapan undang-undang. Tujuannya bukan saja untuk menjamin mutu pengajaran, malah juga untuk kesahihan ajaran agama menurut fahaman dan amalan kita di negara ini.

Berbalik tentang kerisauan kita mengenai hasil kajian sembahyang tadi. Perkara ini janganlah dipandang ringan, tetapi perlu ditangani secara bersepadu oleh semua agensi yang berkenaan, seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kelemahan di sekolah adalah satu perkara untuk diperbaiki. Di samping itu, berlaku juga kurang penghayatan oleh pihak-pihak tertentu di dalam masyarakat. Misalnya ada pihak, sama ada agensi kerajaan atau bukan kerajaan apabila mengadakan satu-satu program atau acara, mereka tidak mengambil kira keperluan menunaikan sembahyang bagi peserta-pesertanya. Para peserta itu biasanya terdiri daripada anak-anak sekolah, para pelajar, belia dan lain-lain peserta.

Ini tidak boleh terus berlaku. Jika sudah pernah berlaku, jangan diulang lagi. Fahamilah, bahawa ibadat sembahyang itu adalah fardu ain, wajib ditunaikan pada waktunya. Adapun apa jua program atau acara, tidak boleh jadi alasan untuk meninggalkan sembahyang.

Untuk akhirnya, beta mengucapkan tahniah kepada semua yang berjaya ke peringkat akhir dan yang seterusnya kepada pemenang

terpilih bagi mewakili negara Musabaqah Tilawah Al-Quran Antarabangsa nanti.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Majlis Perbarisan Tamat Latihan
Program Khidmat Bakti Negara Pengambilan Ke-6,
di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi,
pada hari Isnin, 14 Jamadilakhir 1438 Hijrah/
13 Mac 2017 Masihi**

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

MARILAH kita merafakkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-6 di Kem Latihan Kekal PKBN di Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong dapat berlangsung.

PKBN telah berjalan agak lama. Ia bermula dengan program rintis pertama pada tahun 2011 sehingga membawa kepada pengambilan ke-6 pada tahun 2016/2017 ini. Alhamdulillah, ia juga telah mempunyai kem latihannya yang kekal.

Perjalanan PKBN yang panjang ini sudah sewajarnya mampu untuk menilai tentang tujuan PKBN diwujudkan iaitu untuk melahirkan individu-individu yang berbakti kepada negara.

Soal keberkesanan PKBN tidaklah perlu berbangkit. Kerana jumlah para pelatih yang saban tahun meningkat, sudah cukup untuk menjadi bukti berlakunya perkembangan yang sihat. Hanya apa yang perlu bagi *Task Force* PKBN ialah melipatgandakan usahanya untuk menyediakan program-program yang bermanfaat bagi lepasan para Pelatih PKBN mencurahkan khidmat.

Setiap pelatih mempunyai potensi dan kebolehan tertentu. Potensi itu jika dipupuk, akan membuahkan keupayaan dan kepakaran yang

tinggi. Namun yang penting, kita juga akan memerhatikan bakat dan cara mereka berfikir atau bertindak, sejauh manakah cara itu dipergunakan untuk kepentingan negara.

Sudah tiba masanya untuk kita menuai hasil daripada pelaburan dalam PKBN. Dengan moto Bersedia, Berkhidmat dan Berbakti, para Pelatih PKBN sudah sewajarnya menunjukkan kepada kita bahawa mereka itu memang benar-benar berkebolehan dan kreatif. Inilah cabaran besar untuk mereka.

Perlu diingat, satu peranan asasi mereka ialah memikul kerja-kerja sukarela. Selaku sukarelawan, mereka pada bila-bila masa perlu bersedia untuk menyumbangkan khidmat sama ada dalam keadaan biasa mahupun lebih-lebih lagi ketika berlaku musibah.

Inilah ‘dasar’ belia kita. Dasar ini perlu mantap untuk menjamin ketelusan dan kecekapan dalam berkhidmat.

Pihak berkenaan perlu menekankan perkara ini sehingga ia benar-benar difahami dan dipegang kuat oleh para pelatih. Jika dasar tidak difahami dan dihayati, semua khidmat akan boleh jadi seperti timbul tenggelam. Jika ada *mood* baik, baru orang buat, sementara kalau *mood* tidak baik, orang tidak akan buat.

Kerana itu sangat perlu, supaya dasar atau konsep itu diperkukuh. Adapun dasar atau konsep sukarela, sifatnya adalah luhur dan dinamik, ia tidak boleh dibayangi oleh sifat jemu atau malas. Inilah peranan dasar itu.

Para Pelatih PKBN perlu diikat dalam satu ikatan. Ikatan itu ialah ‘dasar’ bagi organisasi. Ia boleh dijelaskan melalui apa yang termaktub dalam perlembagaan atau peraturan, dan juga boleh dilihat pada logo umpamanya. Semua ini dengan tujuan untuk memotivasi para sukarelawan supaya tetap komited dengan khidmat kepada masyarakat dan negara.

Beta amat optimis dengan kaum belia pada hari ini, dari sudut, mereka itu suka melakukan kerja-kerja amal dalam pelbagai bidang. Begitu juga kaum belia dikenali sebagai suka berpersatuan.

Kecenderungan seperti ini sangatlah bagus untuk diteruskan. Kerana berkumpul dan berinteraksi sesama belia boleh mencetuskan idea-idea besar dan baru yang sangat berfaedah.

Akhirnya, kepada para Pelatih PKBN Ke-6, beta mengucapkan tahniah dan syabas, sambil berharap, cebisan dari pengalaman yang pernah dilalui oleh mereka menerusi program ini, akan menjadikan PKBN sentiasa istimewa di hati dan mata mereka, dan juga di hati dan mata para ibu bapa dan penjaga. Di luar jangkauan latihan adalah diharapkan, bahawa alam Kem PKBN akan terus-menerus menjadi tenaga, kekuatan atau *force* yang digalati.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Menyambut Ulang Tahun Ke-25
Penubuhan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei
(TAIB), di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas,
pada hari Sabtu, 26 Jamadilakhir 1438 Hijrah/
25 Mac 2017 Masihi**

Assalamu ‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillaahi Rabbil ‘Aalameen,
Wabihee Nasta’eenu ‘Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu ‘Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa’alaa ‘Alihie Wasahbihee Ajma’een, Waba’d�.

BETA bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata’ala, kerana dengan izin-Nya, dapatlah kita sama-sama menyambut Ulang Tahun Ke-25 Penubuhan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), institusi kewangan Islam pertama di negara ini, yang beta sendiri melancarkannya 25 tahun yang lalu, bagi tujuan supaya rakyat beta dapat menyimpan atau menabung.

Alhamdulillah, sepanjang 25 tahun TAIB beroperasi, beta melihat, sambutan orang ramai dari kalangan masyarakat Islam mahupun bukan Islam adalah membanggakan. Mereka terlibat untuk pelbagai tujuan, seperti tujuan bagi simpanan peribadi, perniagaan, simpanan jangka pendek dan jangka panjang atau apa saja tujuan dengan menggunakan sistem kewangan Islam.

Semakin meningkat usia TAIB, semakin kita ingin melihat bagaimana pencapaiannya. Jika pencapaiannya cemerlang, maka itu adalah satu bukti bahawa Brunei juga mampu, sebagaimana orang lain mampu untuk mengendalikan sistem kewangan Islam, dan sekali gus membuktikan juga sistem ini adalah benar-benar hebat dan tepat untuk dilaksanakan.

Belajar dari kemelut ekonomi yang sedang melanda dunia hari ini, maka tabiat suka menabung dan berjimat adalah langkah yang tepat

untuk diambil. Ia elok dimulai dari awal-awal lagi, daripada masa kanak-kanak sampai ke dewasa.

Para ibu bapa dan penjaga boleh saja melatih atau menggalakkan anak-anak mereka supaya mengamalkan budaya menabung dan berjimat itu.

Janganlah para ibu bapa sampai tidak berbuat apa-apa, sehingga boleh mengundang kepada penyesalan di kemudian hari kelak.

Menabung dari masa kecil sehingga dewasa, akan menolong seseorang untuk memperkukuh kewangannya dan kewangan keluarga, bahkan impaknya juga akan turut meningkatkan ekonomi negara.

Beta suka mengimbas tujuan asal penubuhan TAIB ialah untuk menjadi institusi pemangkin kepada sikap menabung, yang bermula dari anak-anak sekolah lagi, sehingga mereka itu berumah tangga. Dalam makna, bukanlah bagi tujuan untuk menunaikan fardu haji semata-mata, malah lebih daripada itu, sebagai langkah menjana ekonomi keluarga dan negara.

Bagi tujuan menjana ekonomi, TAIB tentu saja perlu bergerak melalui landasan biasa, seperti terlibat dalam pelaburan dan memiliki produk-produk yang ditawarkan serta lain-lain seumpamanya. Maka sehubungan ini, TAIB selaku institusi kewangan Islam, tidak boleh tidak, mesti memastikan yang dirinya tetap berjalan di atas lunas-lunas hukum syarak.

Ini adalah amanah untuk menjadikan simpanan para penabung, bukan saja tumbuh dalam bentuk wang ringgit, tetapi juga lebih penting, berhias dengan berkat. Keberkatan adalah segala-galanya bagi kita orang Islam.

Ini bukan bererti untuk menyekat pergerakan TAIB. Apabila bercakap mengenai berkat, ia bukanlah 'sekatan' tetapi adalah

dorongan kepada pertumbuhan. Kerana pendapatan yang berkat, itulah sebenar-benarnya pertumbuhan.

Pada hemat beta, dengan bercakap mengenai berkat, TAIB dan anak-anak syarikatnya tidaklah ada halangan untuk mengorak langkah menjadikannya sebuah institusi kewangan yang moden dan bertaraf antarabangsa.

Apa yang penting ialah sikap gigih dan yakin kita dalam melaksanakan sesuatu kerja menurut dasar yang kita pegang. Jika ini ada, insyaaAllah, kecemerlangan pasti berpihak kepada kita.

Sehingga hari ini, institusi kewangan Islam sudah tumbuh sampai ke Eropah. Ini menjadi bukti, bahawa sistem kewangan yang patuh syarak telah pun diterima oleh dunia. Dunia sekarang sedang mendapati bahawa di dalam sistem ini ada 'kelebihan' yang tersendiri.

Jadi kita orang Islam, kenalah faham semua ini. Jika demikian itu keadaannya, maka kita sepatutnya lebih kuat lagi menyokong dan mendukung TAIB, sama-sama berganding bahu mempertahankan dan membantu pertumbuhannya.

Jangan biarkan ia terjejas atau mengalami masalah. Tadbir dan uruslah ia dengan telus dan bijaksana.

Beta percaya, semua kakitangan TAIB adalah mereka yang telah matang belaka, yang mampu untuk berkhidmat dengan gigih dan tabah demi kepentingan TAIB dan bangsa.

Tahniah beta kepada semua warga TAIB, dengan ucapan: Selamat Maju Jaya.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj
Peringkat Negara Tahun 1438 Hijrah/2017 Masihi
di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas pada hari Isnin, 27 Rejab 1438 Hijrah/
24 April 2017 Masihi**

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmat-Nya, dapatlah kita hadir di Majlis yang berkebajikan ini, kerana memperingati peristiwa Israk dan Mikraj yang tidak pernah pudar di hati kita.

Bulan Rejab datang lagi. Di dalam bulan inilah berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Di antara hikmah peristiwa ini ialah untuk menguji keimanan kita. Kita diuji dengan perkara yang sangat luar biasa, yang tidak mungkin terjangkau oleh akal kita. Dalam makna, ujian ini bukanlah untuk difikir, tetapi semata-mata untuk diyakini. Siapa yang yakin akan beruntung, sementara yang tidak yakin akan rugi.

Demikian itulah harga 'iman'. Imanlah yang menentukan 'kedudukan' kita, sama ada baik atau buruk.

Dalam hubungan ini, kita boleh perhatikan, siapa Sayyidina Abu Bakar Radiallahuanhu dan siapa pula Abu Lahab. Dua-dua itu sangat berbeza kedudukan. Bersabit dengan peristiwa Israk dan Mikraj, keimanan Sayyidina Abu Bakar dalam membenarkan peristiwa ini adalah penuh dan mutlak, sementara di pihak Abu Lahab pula adalah kosong sekosong-kosongnya.

Jadi di mana nilai dua individu ini di sisi Allah? Seorang, Sayyidina Abu Bakar Radiallahuanhu telah pun dihabarkan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai salah seorang calon penghuni syurga, sedang Abu Lahab pula akan menderita dibakar oleh api neraka (lihat Surah Al-Masad, ayat 3).

Begitu peranan iman, menjadi penentu kepada kedudukan kita di sisi Allah.

Dalam zaman penuh pancaroba ini, keimanan terhadap Allah adalah sangat mustahak. Kerana jika tidak, hidup akan jadi liar dan terumbang-ambing.

Jika ada iman, hati kita pasti jinak dan tawaduk, dan tidak akan sewenang-wenang untuk melakukan perkara-perkara buruk yang menyalahi agama.

Hati yang kaya dengan iman adalah hati yang tenang dan mesra Allah. Ia sangat mengenali siapa Allah, sehingga setakat menyebut nama ALLAH sahaja pun, hati itu akan gementar, dan apabila dibaca pula ayat-ayat-Nya, akan bertambah-tambah lagilah takut dan keimanan pemilik hati tersebut.

Kerana itu, jangan ambil ringan perkara iman. Pupuk dan gilaplah ia selalu. Cara menggilapnya, termasuk memperkasa pendidikan agama. Pastikan kesempurnaan pendidikan agama dari semua aspek.

Pendidikan agama, janganlah ia indah di atas kertas sahaja, tetapi hendaklah juga bagus pada amalinya, seperti cara belajar, jadual belajar, masa persekolahan, mata pelajaran, guru dan lain-lain. Ini semua sangat penting untuk menjamin keberkesanan pembelajaran.

Bahkan mesti diambil kira juga kebajikan penuntut di dalam sekolah, seperti pemakanan dan amali jasmani mereka, kerana kedua-dua faktor ini juga menjadi penentu kepada kesihatan dan pertumbuhan.

Ketiadaan keduanya, atau jika kedua-dua itu diabaikan, tidakkah ini boleh mengundang risiko buruk kepada pertumbuhan penuntut? Kalau pertumbuhan lemah, maka pencapaian juga pastinya lemah.

Kita tidak mahu pendidikan agama lemah, kerana kesannya sangat buruk bagi masa depan. Kita adalah mahu untuk melahirkan ramai para ulama, selaku tonggak untuk memelihara akidah. Akidah amat perlu dipelihara untuk kebaikan bersama. Tanpa pemeliharaan, akidah boleh saja luntur dan lemah.

Dalam usaha untuk memelihara akidah, selain melalui pendidikan, langkah memperkasa dakwah juga adalah mustahak. Kerana dakwah berperanan besar untuk menyuntik kesedaran beragama atau kesedaran berakidah. Sebab itu kalau dakwah lemah, maka akan lemah pula kesedaran ummah.

Jadi pihak berkenaan, hendaklah menjadikan pendidikan agama dan dakwah itu sebagai keutamaan, bukannya sebagai rutin semata-mata, tetapi keduanya memerlukan penumpuan serius untuk sentiasa diperkemas dan diperkasa.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah dalam Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Bagi
Tahun 1438 Hijrah/2017 Masihi
di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas, pada hari Isnin, 17 Ramadan 1438 Hijrah/
12 Jun 2017 Masihi**

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, dapatlah kita berkumpul lagi di majlis yang berkat ini. Perkumpulan ini lebih bererti lagi kerana ia berlangsung dalam bulan Ramadan yang mubarak.

Nuzul Al-Quran adalah satu sejarah, di mana memperingati atau menyambutnya adalah sama dengan menghargai sejarah.

Nuzul Al-Quran adalah 'sejarah besar'. Umat Islam tidak patut mengabaikannya. Adapun nilai sejarah itu, lebih-lebih lagi jika ia berkaitan dengan Islam, adalah harganya terlalu tinggi, kerana sifatnya yang luhur, berbanding dengan lain-lain sejarah.

Sejarah adalah cermin zaman dan kehidupan. Daripadanya kita mengenali corak zaman dan kehidupan itu. Ia mesti sentiasa terbuka atau dibuka, kerana jika pintu sejarah tertutup atau ditutup, maka ini boleh menjadikan orang buta sejarah. Bayangkanlah, kalau kita umat Islam ini tidak kenal sejarah Islam, di manakah kita selaku orang Islam itu?

Kerana itu, beta pernah menekankan supaya semua Hari-hari Kebesaran Islam hendaklah disambut dan dibesarkan, kerana ia adalah sebahagian daripada sejarah Islam itu sendiri.

Berbalik kepada Al-Quran, Negara Brunei Darussalam telah pun sekian lamanya memulakan pembelajaran Al-Quran, bermula dari sistem tidak formal sehingga kepada sistem formal melalui sekolah-sekolah agama dan sekolah-sekolah satu mata pelajaran kerajaan dan bukan kerajaan, dari peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi.

Selain dari belajar Al-Quran di sekolah-sekolah hingga ke peringkat tinggi, membaca Al-Quran juga diserapkan kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan sebagai amalan harian sebelum pegawai-pegawai dan kakitangan memulakan tugas masing-masing.

Perkara ini dilihat supaya membaca Al-Quran itu menjadi budaya kepada orang-orang Brunei, sambil juga bertabarak dengannya, selaku ia adalah penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.

Kita menyedari pada zaman ini orang-orang yang membaca Al-Quran berbanding dengan yang membaca bahan-bahan bacaan lain, tentu saja yang membaca Al-Quran adalah lebih sedikit jumlahnya. Kerana Al-Quran itu ditulis dan dibaca dalam bahasa Arab, yang memerlukan ianya dipelajari dengan lebih tekun dan sabar. Kerana itu tidak hairan kalau orang lebih memilih bahan bacaan lain daripada Al-Quran.

Maka menyedari hal inilah, kerajaan beta tanpa kendur-kendurnya terus mempromosi belajar Al-Quran itu dari peringkat bawah lagi sampai ke peringkat atas, dan juga secara berterusan mengadakan rancangan-rancangan penggalak bagi kemahiran membaca dan menghafaz Al-Quran. Bagi Brunei, kita tidak mahu bidang-bidang lain sahaja yang maju sedang bidang Al-Quran dan agama tertinggal di belakang.

Ini tidak boleh berlaku di Brunei. Di Brunei, pelajaran agama dan Al-Quran itu tidaklah boleh dipandang ringan dengan sebelah mata sahaja. Ia mesti selama-lamanya unggul dan menyerlah sesuai dengan tarafnya selaku agama dan kalam Allah.

Kerana itu kita mahu supaya tenaga-tenaga petugas, pentadbir dan pemegang dasar dalam perkara ini hendaklah memiliki pandangan jauh, bersemangat keislaman tulen dan bukannya lemah serta sempit pemikiran atau lebih mementingkan diri.

Satu lagi perkara penting, pihak berkenaan agama, boleh saja mendengar atau membaca pandangan-pandangan daripada siapa jua tentang pendidikan agama, tetapi bukanlah bersikap mesti mengikut atau menerima apa saja pandangan itu walaupun ia tidak sesuai atau bertentangan dengan dasar dan seumpamanya.

Inilah namanya kita perlu konsisten untuk bertindak dan berfikir secara profesional.

Untuk akhirnya, pada kesempatan ini beta sukacita mengucapkan tahniah kepada peserta yang berjaya mendapat tempat di Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Negara dan Peringkat Negara Anggota MABIMS. Mudah-mudahan dengan adanya usaha seperti ini akan mengukuhkan lagi penghayatan dan kemantapan hafalan setiap peserta.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji
Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1438 Hijrah/
2017 Masihi pada hari Isnin, 1 Syawal 1438 Hijrah/
26 Jun 2017 Masihi**

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

PADA 'Hari Besar' yang diagungkan ini, marilah kita sama-sama membesarkan Allah dengan takbir dan tahmid, sambil banyak-banyak bersyukur kehadiran-Nya kerana kita telah berjaya melaksanakan kewajipan berpuasa selama sebulan penuh.

Adapun beta menggunakan perkataan 'berjaya' di sini ialah sebagai mengambil kira bahawa ibadat berpuasa itu adalah merupakan satu perjuangan besar melawan hawa nafsu dan barang siapa yang berjaya melaksanakannya, tidak diragukan lagi orang itu adalah seorang pejuang yang hebat yang telah berjaya dalam perjuangannya yang sangat mencabar itu.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

Mengambil sukut baik di hari yang mulia ini, beta dan keluarga beta tidak lupa mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di mana saja mereka berada. Beta berdoa semoga mereka berada dalam sejahtera dapat merayakan hari yang bahagia ini dengan aman dan selesa.

Kita wajib bersyukur kerana Negara Brunei Darussalam dapat menikmati keamanan dan ketenteraman, sedang dalam era masa ini bukanlah mudah untuk orang dapat mengecap nikmat keamanan dan ketenteraman itu.

Kita sudahpun menyaksikan atau mendengar bahawa situasi tidak aman dan tidak tenteram itu berlaku di sana sini tanpa mengira bahagian mana dalam dunia ini.

Ini menandakan dunia kita sekarang sedang mengalami musibah pertentangan atau pertelagahan yang sangat teruk, yang telah dan sedang merosakkan keamanan dan ketenteraman itu, di mana kita sangat sukar untuk meramalkan, bilakah musibah itu mungkin berakhir?

Bagaimanapun, kewajipan utama kita ialah memastikan bahawa negara kita sendiri sentiasa berada dalam selamat serta terpelihara daripada sebarang bahang kemelut yang tidak diinginkan.

Di samping itu kita juga tidak akan membiarkan sebarang anasir untuk membawa dan menyebarkan 'kudis' ke dalam negara ini. Lalu untuk itu kita semua mesti berazam untuk melindunginya dengan izin Allah.

Nikmat keamanan dan ketenteraman adalah segala-galanya. Ia mengatasi nikmat yang lain-lain.

Walaupun wang kita banyak atau negara berstatus 'gergasi ekonomi', namun jika tidak aman atau tidak tenteram, maka semua itu akan jadi kurang bererti.

Demikian kepentingan keamanan dan ketenteraman itu.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

Berbalik kita kepada Hari Raya. Alhamdulillah, pada setiap

tahun, Hari Raya dapat kita sambut dalam suasana aman damai dan penuh kegembiraan bersama-sama dengan kaum keluarga dan rakan taulan.

Beta berharap keadaan seperti ini akan terus berkekalan di mana semua orang dapat sama-sama berkongsi bahagia tanpa ada kecualinya.

Munasabah kita berhari raya, beta ingin berpesan ‘dua’ perkara, pertama: Betapa perlunya kita menjaga kesihatan, dan kedua: Diperlukan juga untuk mengawal perbelanjaan.

Ketika musim puasa, sistem makan minum kita adalah terkawal. Dan ini tentu saja baik untuk kesihatan. Tetapi apabila menjelang Syawal, sistem itu mungkin berubah dan sekali gus membawa impak sebaliknya.

Oleh itu situasi ini mewajarkan kita supaya bersikap terus sederhana apabila memilih dan mengambil makanan sebagai langkah atau cara kita memelihara kesihatan. Negara boleh saja kekal maju dan malah kuat apabila warganya sihat.

Sementara dalam perkara berbelanja pula, kita orang-orang Islam adalah dikehendaki supaya lebih berhemah, dalam makna perlu berjimat dan tidak membazir.

Sifat boros dan membazir selain menyalahi ajaran agama, ia juga adalah satu tabiat yang merugikan. Ia perlu diatasi. Jika tidak, rezeki kita dikhuatiri tidak akan berkat. Macam-macam keburukan boleh terjadi jika rezeki tidak berkat.

Bagaimanapun, beta optimis ibadat puasa yang baru saja kita lalui, insyaaAllah, dapat mengubah atau memperbaiki segala sikap atau tabiat yang perlu berubah.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah dalam Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri
Tahun 1438 Hijrah/2017 Masihi
anjaran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah,
di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas, pada hari Isnin,
15 Syawal 1438 Hijrah/10 Julai 2017 Masihi**

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

MARIILAH kita sama-sama merafakkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana Yayasan dapat lagi menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri, sebagaimana dilakukannya pada setiap tahun.

Aidilfitri, sebagaimana kita sama-sama maklum adalah hari kemenangan bagi mereka yang telah berjaya melaksanakan ibadat berpuasa sebulan penuh dalam bulan Ramadan.

Dengan mengambil sukut 'kejayaan' inilah, Yayasan beta, dalam merayakan Hari Raya pada tahun ini telah menampilkan golongan yang dianggap berjaya, *the achievers*, dalam bidang masing-masing sebagai peserta.

Golongan ini patut dihargai, sejajar dengan matlamat Wawasan 2035 untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam mempunyai rakyat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran serta berjaya dalam segala lapangan.

Sebagai faktor pendorong ke arah ini, Yayasan beta tidak ketinggalan untuk menyediakan beberapa Skim Penggalak, seperti Skim Anugerah Sultan's Scholar, Skim Anugerah Kesusasteraan Islam dan Skim Anugerah Penulisan Islam.

Di samping itu, Yayasan juga telah menyediakan pelbagai pemberian atau hadiah atau sumbangan melalui program-program yang dianjurkan oleh kerajaan dan swasta, termasuk menyediakan skim-skim bantuan untuk membantu mereka yang memerlukannya.

Peranan ini diambil oleh Yayasan adalah sebagai pelaburan jangka pendek mahupun jangka panjang.

Apabila sesuatu galakan atau bantuan disalurkan kepada mana-mana pihak, maka tidak syak lagi ia adalah satu pelaburan yang dapat ditunggu hasilnya berupa kemanfaatan.

Di antara manfaat besar yang mungkin diraih itu ialah lahirnya para *achievers* yang pernah menikmati anugerah skim atau bantuan daripada Yayasan, sebagaimana telah disebut awal-awal tadi.

Beta mengharapkan supaya para *achievers* tidak akan mudah ataupun cepat untuk berpuas hati dengan kejayaan-kejayaan tahap pertama, tetapi hendaklah terus berusaha untuk mencapai kejayaan-kejayaan yang lebih menyerlah khasnya di bidang-bidang yang sangat diperlukan oleh negara.

Beta ingin menyebutkan di sini satu contoh tentang keperluan tersebut iaitu berkaitan dengan bidang industri menyentuh mengenai minyak dan pertanian. Dua-dua bidang ini tidak diragukan lagi adalah nadi kepada negara, tetapi apakah yang kita sudah ada, yang sepatutnya dimiliki mengenainya?

Usia industri minyak telah pun mendekati hampir satu abad, tetapi peluang warga tempatan untuk menyandang jawatan-jawatan tinggi dan tertinggi masih saja mengecewakan. Apakah ini belum lagi cukup untuk menyedarkan kita khasnya para *achievers*, termasuk pemimpin dan juga sekalian anak bangsa pada amnya? Sehingga bilakah negara mesti menunggu untuk keadaan ini berubah?

Sementara bidang industri pertanian pula, kelihatannya adalah tidak aktif atau masih kurang diaktifkan, sedangkan keperluannya bagi negara sangatlah besar. Jadi di manakah kita dengan azam dan usaha untuk mengaktifkan bidang pertanian itu sehingga mencapai tahap sara diri, atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkan pergantungan kita kepada komoditi import seperti beras?

Di sinilah pentingnya inisiatif dan ‘idea besar’ untuk memajukan negara dan bangsa. Tanpa adanya inisiatif dan idea tersebut, semua jentera tidak mampu bergerak untuk memastikan perkembangan dan kemajuan berjalan lancar.

Maka kerana itu, adalah penting untuk memiliki inisiatif dan idea, selain disiplin ilmu. Inilah yang sebenar-benarnya kunci kemajuan dan kejayaan.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Hari Keputeraan Yang Ke-71 Tahun,
di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman,
pada hari Sabtu, 20 Syawal 1438 Hijrah/
15 Julai 2017 Masihi**

Assalamu ‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil ‘Aalameen,
Wabihee Nasta’eenu ‘Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu ‘Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa’alaa ‘Alihie Wasahbihee Ajma’een, Waba’d�.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata’ala kerana dapat pula merayakan Hari Keputeraan beta pada tahun ini dalam suasana aman dan sejahtera.

Mula-mula ingin beta merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada para tetamu khas beta yang sudi hadir, dan juga kepada semua pihak yang telah menyembahkan perutusan ucap selamat kepada beta dan keluarga bersempena dengan perayaan ini.

Tiada nikmat yang sangat bernilai yang telah dan sedang dinikmati oleh Brunei Darussalam melainkan nikmat aman, bersatu padu serta makmur. Oleh itu, semua pihak hendaklah berazam sambil memohon kepada Allah supaya nikmat ini dikekalkan dan terus subur.

Dalam bidang pertumbuhan ekonomi, beta gembira menyaksikan pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan ke arah itu. Dua pendekatan utama sedang difokus bagi memastikan bahawa pertumbuhan adalah benar-benar berlaku. Pendekatan pertama ialah meningkatkan Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan kedua menyokong serta menggalakkan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana untuk mampu menembusi pasaran-pasaran serantau dan antarabangsa. Dan untuk ini beta mahu, supaya sektor awam dan swasta sama-sama berganding bahu mempertingkatkan daya inovasi

dan kreativiti masing-masing sehingga mampu menghasilkan produk atau perkhidmatan berkualiti.

Dalam konteks ini, pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan adalah diharapkan untuk membentuk persekitaran kondusif bagi kemajuan perkapalan dan logistik sebagai usaha memenuhi keperluan import/eksport.

Selain itu, satu usaha sama atau *joint-venture* juga sudah dijalin antara Darussalam Assets dengan sebuah syarikat luar negara bagi mengendalikan secara profesional Pelabuhan Muara. Ini juga diyakini dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Di akhir-akhir ini kita wajar berbangga dengan bertambahnya para belia tempatan yang berani muncul menceburi bidang-bidang perniagaan dan perusahaan. Bukan setakat menceburi sahaja malah berupaya menawarkan produk-produk mereka melalui pelbagai kemudahan atau platform terkini, di samping tidak ketinggalan memanfaatkan kemudahan bangku-bangku jualan yang disediakan oleh kerajaan.

Ini tidak syak lagi adalah satu perkembangan memberangsangkan.

Perkembangan lain, kerajaan beta jugak inisiatif sedang melipatgandakan usaha untuk melengkapkan para belia dengan kemahiran-kemahiran yang bersesuaian. Ini berlaku melalui beberapa program tertentu, di samping Unit Perancangan Sumber Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, juga secara khusus telah mengenalkan kursus berasaskan Rangka Kemahiran Industri atau Industry Competency Framework (ICF).

Bagi maksud ini, beta telah pun memperkenalkan satu inisiatif tambahan, Penubuhan Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK), yang akan menawarkan latihan-latihan kepada anak-anak tempatan bagi melayakkan mereka menjawab pelbagai pekerjaan di sektor swasta termasuk syarikat-syarikat Pelaburan Langsung Asing.

Kita adalah menyedari, bahawa pertumbuhan ekonomi atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) masih dalam keadaan ‘perlahan’. Oleh itu sangat penting bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan menasaskan usaha-usaha mereka ke arah mempercepatkan pertumbuhan keluaran syarikat-syarikat di bawah jagaan masing-masing, sama ada syarikat-syarikat itu milik swasta atau kerajaan terutamanya syarikat-syarikat dari sektor bukan minyak dan gas.

Peningkatan produktiviti dijangka mampu untuk memperbaiki daya saing keluaran syarikat-syarikat, dan sekali gus membolehkan mereka menembusi pasaran eksport. Meneroka pasaran eksport oleh pengusaha-pengusaha tempatan boleh menyumbang kepada pertumbuhan KDNK dan memperbaiki kedudukan fiskal kerajaan.

Satu lagi perkembangan dan pencapaian membanggakan ialah dalam bidang pengajian tinggi. Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menempah rekod mengekalkan kedudukannya dalam Ranking University Asian atau ‘Asian QS University Rankings’.

Perlu diingat, bidang pengajian juga adalah satu pelaburan sepanjang hayat. Ia juga berstatus lambang dan suluh kehidupan. Sebab itu pendidikan tidak boleh layu atau lemah, tetapi untuk selamanya ia perlu segar dan cemerlang.

Namun kecemerlangan itu di sini, masih saja tertakluk kepada kemampuan kita mengadakan pendidikan seimbang, ukhrawi dan duniawi. Lebih-lebih lagi sekarang, dunia sudah terbuka luas kepada budaya ‘bercampur-campur’, budaya baik dan budaya buruk di mana pendidikan ukhrawi sahaja yang mampu untuk membezakan antara dua budaya ini untuk kita membuat pilihan. Kerana itu pendidikan Islam sangatlah perlu untuk lebih mantap dan menyerlah.

Dalam amalan antarabangsa, kita akan terus memupuk dan mempertingkatkan kerjasama dengan negara-negara sahabat, sama ada melalui hubungan biasa mahupun melalui keahlian kita dalam pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa.

Dalam era yang tidak menentu ini, persahabatan antara negara-negara di dunia adalah perlu wujud dan berkekalan. Kerana jika tidak, inilah punca keamanan boleh tergugat di mana kita selaku negara dan orang Islam sepatutnya lebih memahami perkara ini berdasarkan agama Islam sendiri telah menganjurkan hidup berbaik-baik dengan sesiapa saja, dan khusus bagi sesama Islam pula, kita telah pun diajar untuk tidak memutuskan tali silaturahim.

Akhirnya, beta dengan tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk, warga Perkhidmatan Awam, Pasukan-pasukan Keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta, termasuk mereka yang bertugas di luar negara di atas sumbangan dan sokongan mereka kepada kerajaan beta.

Penghargaan yang setinggi-tingginya juga disampaikan kepada seluruh Ahli Jawatankuasa Perayaan di kedua peringkat kebangsaan dan daerah, atas segala khidmat mereka menjayakan perayaan ini.

Beta berdoa semoga kita semua serta Negara Brunei Darussalam akan senantiasa kekal aman dan makmur, dikurniakan rahmat dan perlindungan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan
Kali Ke-12, pada hari Selasa, 8 Zulkaedah 1438 Hijrah/
1 Ogos 2017 Masihi**

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir dalam Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12 ini.

Semua orang pandai dan mesra menyebut 'belia'. Zaman belia adalah zaman yang indah dan manis. Barang siapa yang sempat melalui zaman belia, maka orang itu adalah orang beruntung. Kerana pada tahap inilah individu mengalami pertumbuhan yang sangat menentukan.

Pertumbuhan itu di sini ialah dari segi sahsiah, kebolehan dan pengetahuan. Seorang belia yang tumbuh normal dan sihat adalah belia yang baik. Ditambah lagi jika pengisiannya sempurna dari sudut keperibadian, pendidikan dan kebolehan, maka belia yang seperti ini tidak syak lagi adalah belia yang berkualiti.

Belia berkualiti di samping diukur dari sudut pengisiannya, dan juga ditentukan oleh sikapnya.

Belia yang bersikap suka memajukan diri itulah tanda belia yang berbakat besar yang pada lazimnya sangat aktif dan kreatif.

Bukankah semua ini merujuk kepada kualiti?

Belia macam inilah yang kita mahukan. Kita mahu belia kita jangan pasif tetapi aktif. Kita tidak mahu para belia itu hanya tahu menghitung hari, tetapi yang kita mahukan ialah belia yang ligat dan giat 'mengisi' waktu atau hari dengan aktiviti-aktiviti berkebajikan, bukan membiarkannya kosong atau berlalu begitu saja.

Pengisian hari atau waktu ini mustahak diambil kira kerana zaman kita sekarang adalah zaman yang terlalu banyak berseronok atau bersantai. Jika para belia kita biarkan asyik memilih trend bersantai sahaja maka risikonya sangatlah buruk untuk masa depan.

Di antara risiko yang dapat diramalkan ialah negara mungkin saja akan terjebak memiliki sumber tenaga yang lemah atau ketandusan daya saing bagi menghadapi pelbagai cabaran.

Ke arah belia berkualiti, tidak syak lagi adalah satu pelaburan. Ia memerlukan komitmen semua pihak dan dilaksanakan melalui pelan strategik membentuk kewibawaan yang dimulai dengan meningkatkan kesedaran di kalangan belia.

Dengan adanya kesedaran itu, akan menjadikan para belia lebih dewasa dan lebih patriotik.

Kesedaran yang dimaksudkan di sini ialah kesedaran beragama, berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Keempat-empat jenis kesedaran ini sangat mustahak untuk dimiliki oleh para belia kita tanpa membezakan status dan peringkat mereka.

Inilah rukun kesempurnaan bagi belia.

Kita perlu risau, kalau-kalau para belia kita kosong dari memiliki ciri-ciri kesedaran tersebut. Kerana jika ini berlaku, impak buruk pasti menimpa masyarakat dan negara.

Dan kita lebih risau lagi dengan apa yang kita dengar dan baca bahawa di tempat lain telah pun berlaku murid-murid sekolah atau

pelajar membuli rakan mereka sampai mati, serta lain-lain lagi jenayah.

Ini adalah betul-betul membimbangkan. Kita boleh bayangkan jika murid atau pelajar sudah melakukan jenayah paling berat, betapa setelah mereka itu dewasa atau setelah jadi belia kelak?

Jadi ternyata peristiwa seperti ini menambahkan lagi tanggungjawab para pemimpin, ibu bapa dan guru untuk memastikan bahawa perkara seperti ini tidak akan berlaku di Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab kita bukanlah setakat membina bangunan atau membina negara. Tetapi, tanggungjawab paling mencabar ialah tanggungjawab membina insan.

Maka untuk itulah kita membangun sekolah, membangun institusi keluarga dan sekali gus memerlukan pemimpin prihatin dan kekuatan dakwah.

Dari sinilah, semua pihak yang berkenaan sangat perlu untuk mengambil langkah-langkah bersepadu dalam membina bangsa khasnya membina para remaja dan belia.

Apabila tanggungjawab ini dapat dilaksanakan dengan sempurna maka barulah ada harapan untuk kita dapat melihat sebuah generasi masa depan yang menyerlah, insyaaAllah.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Titah Sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1438H / 2017M

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

SEMUA kita orang-orang beriman tidak sunyi dari menerima ujian Allah Subhanahu Wata'ala. Ujian itu bertujuan untuk mengukur sejauh mana iman dan kesabaran kita. Jika iman memang tebal di dada, maka orang yang demikian itu akan berjaya menghadapi ujian walaupun seberat mana ujian tersebut.

Contoh ujian paling berat ialah ujian ke atas Nabi Ibrahim dan putera Baginda, Nabi Ismail 'Alaihimassalatu Wasallam. Mereka telah diuji oleh Allah dengan satu tuntutan luar biasa mesti berkorban.

Nabi Ibrahim 'Alaihissalam telah diminta oleh Allah untuk mengorbankan puteranya, Nabi Ismail supaya putera itu disembelih hidup-hidup. Bayangkan, bapa manakah yang sanggup menyembelih anak, dan bayangkan juga anak manakah yang bersedia untuk disembelih oleh bapa?

Tetapi inilah perintah Allah dan apa jua bentuk perintah, semua itu adalah wajib diikuti atau dipatuhi.

Demi ketaatan, Nabi Ibrahim tetap mematuhi perintah Allah. Dan bahkan, bukan Nabi Ibrahim sahaja yang patuh, tetapi puteranya Nabi Ismail juga tidak membantah untuk dia disembelih.

Inilah contoh 'taat' yang tiada tolok bandingnya. Kerana taat, Nabi Ibrahim sanggup menyembelih puteranya, dan kerana taat juga, putera yang masih kanak-kanak ini tidak membantah untuk disembelih.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

Daripada peristiwa ini, kita mendapat gambaran betapa setiap perintah Allah itu adalah wajib ditaati.

Kita umat yang datang kemudian sangat beruntung tidak diuji dengan ujian yang terlalu berat seperti ujian ke atas Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail. Kita hanya diuji dengan perintah melakukan ibadat dan melaksanakan hukum-hukum syariat sahaja.

Dalam ibadat, misalnya kita diuji dengan perintah mendirikan sembahyang, berpuasa pada bulan Ramadan dan lain-lain. Sementara yang berkaitan dengan syariat, kita diuji untuk memilih yang halal dan menjauhi yang haram termasuk menghukum dengan undang-undang Allah dan sebagainya.

Ini saja 'ujian tanggungjawab' yang dituntut ke atas kita. Konsepnya adalah sama: Wajib dipatuhi. Tidak boleh dilanggar, jika dilanggar, hukumnya adalah haram dan berdosa.

Kalau Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail diuji dengan nyawa, mengapakah kita yang cuma diuji dengan ibadat dan melaksanakan hukum-hakam dalam kehidupan ini, tidak sanggup kita tunaikan?

Sepatutnya senario ini membawa keinsafan kepada kita bahawa setiap ujian itu ada hikmahnya. Kerana Allah tidak menguji kosong, tetapi mahu melihat siapakah di antara hamba yang diuji itu yang mampu bersabar dengan ujian?

Jika seseorang konsisten melakukan ketaatan, maka bermakna orang itu adalah seorang yang sabar, kerana ketaatan tidak mungkin berlaku tanpa adanya kesabaran. Sebagai misalan orang yang

berpuasa adalah orang sabar, kerana tanpa sabar, ibadat puasa tidak mungkin dapat dilakukan.

Sebab itulah Allah Subhanahu Wata'ala sangat menyukai orang-orang yang sabar sebagaimana maksud ayat dalam Al-Quran, dan malah Allah akan mengurniakan mereka dengan ganjaran yang tidak terbatas.

Demikian maksudnya sifat sabar itu. Dengan sabar kita dapat memelihara dan menyempurnakan ibadat, dan dengan sabar juga kita mampu untuk meraih kejayaan dalam apa jua bidang pekerjaan.

Inilah berkat sabar bagi orang-orang Islam.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

Marilah kita sama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan kita orang-orang yang sentiasa berhias dengan sifat sabar khasnya bagi para jemaah kita yang sedang menyempurnakan ibadat haji di Tanah Suci kerana sebagaimana kita sama-sama maklum, pada ketika inilah banyak kesukaran atau ujian yang dialami oleh para jemaah daripada seluruh dunia. Semoga dengan berkat kesabaran itu para jemaah kita insyaaAllah akan beroleh haji yang mabrur. Amin.

Akhir kalam, beta dan keluarga beta dengan sukacita mengambil peluang mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk yang beragama Islam di mana juga mereka berada.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah dalam Majlis Konvokesyen Ke-29 UBD
di Dewan Canselor UBD,
pada hari Khamis, 16 Zulhijah 1438 Hijrah/
7 September 2017 Masihi**

Assalamu ‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil ‘Aalameen,
Wabihee Nasta’eenu ‘Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu ‘Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa’alaa ‘Alihie Wasahbihee Ajma’een, Waba’dhu.

BETA bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata’ala kerana dapat bersama-sama hadir di Majlis Konvokesyen Kali Ke-29 Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada pagi ini.

Beta lebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian di universiti ini. Beta berharap dengan kejayaan ini, para graduan akan dapat menjadikannya sebagai pendorong untuk memperolehi lain-lain kejayaan lagi. Sifat kejayaan adalah penyumbang bagi peningkatan daya saing negara.

Bercakap mengenai daya saing atau *competitiveness*, beta mengambil maklum dan mengucapkan tahniah kepada UBD kerana pada julung kalinya UBD telah termasuk di dalam QS World University Rankings pada tahun ini. Beta juga mengambil maklum bahawa UBD berada dalam 1.3 peratus universiti-universiti teratas di dunia dan juga kedudukan nombor 37 bagi universiti-universiti di bawah usia 50 tahun.

Ranking adalah penting bagi mengukur kualiti sesebuah universiti di peringkat antarabangsa. Namun kerananya, kita tidaklah harus mengabaikan atau terlepas pandang agenda-agenda kebangsaan seperti isu pengangguran. Isu pekerjaan dan pengangguran adalah perlu ditangani secara *whole of nation approach*. Ia adalah satu

ekosistem di mana agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan perlu memainkan peranan masing-masing.

Sementara institusi-institusi pengajian tinggi pula berperanan untuk mengeluarkan sumber manusia, manakala agensi-agensi lain juga diperlukan untuk membuat inisiatif-inisiatif bagi pertumbuhan ekonomi negara dan mewujudkan pekerjaan-pekerjaan baru.

Sehubungan itu, UBD dan institusi-institusi pengajian tinggi lain adalah perlu untuk memastikan yang program-programnya sentiasa relevan dan berkualiti untuk mengeluarkan graduan-graduan yang *marketable* dan *future ready*.

Menyentuh mengenai piawaian institusi pengajian tinggi, faktor-faktor teras bagi meningkatkan kualiti antaranya ialah pendidikan, penyelidikan dan pengantarabangsaan. Sehubungan itu, beta telah pun memperkenalkan penubuhan Kampus UBD yang pertama, UBD-FPT Global Centre di Da Nang, Viet Nam. Beta difahamkan bahawa kampus yang ditubuhkan ini adalah merupakan kampus luar negara yang pertama yang ditubuhkan oleh universiti dari negara ASEAN. Beta juga gembira dengan usaha UBD dalam mengambil dan melatih 13 orang graduan tempatan sebagai pengajar untuk berkhidmat di UBD-FPT Global Centre.

Satu peringatan daripada beta, UBD melangkah keluar adalah merupakan satu pencapaian di arena antarabangsa. Ini adalah petanda baik untuk masa depan, khasnya dari sudut kemajuan dan peningkatan. Namun semakin jauh UBD mengembangkan sayapnya, soal prinsip sama sekali janganlah diabaikan. UBD mesti tetap UBD, jangan ia dibiarkan bertukar wajah dan isinya.

Dalam usaha mengangkat nama UBD, salah satu faktor teras yang perlu dilaluinya ialah meneroka penyelidikan. Penyelidikan adalah satu-satunya faktor untuk membezakan universiti dengan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain.

Beta mengambil maklum tentang usaha UBD dalam mengkaji dan mengenal pasti bidang-bidang penyelidikan di tahap antarabangsa atau *peaks of research excellence*. Selain daripada bidang-bidang penyelidikan yang sedia ada iaitu *Biodiversity*, *Energy Studies* dan *Asian Studies*, UBD juga perlu turut memberikan tumpuan kepada bidang *Islamic Governance* dan *Data Science and Analytics*.

Sehubungan itu, beta telah pun memperkenankan penubuhan dua pusat di UBD. Yang pertama ialah penubuhan Institute of Applied Data Analytics, yang sebelum ini dikenali sebagai UBD/IBM Centre yang beta difahamkan akan memfokus kepada *big data* dan *data analytics*. Pusat kedua pula ialah penubuhan FPT-UBD Innovation Lab, hasil dari kolaborasi bersama dengan FPT Universiti di Viet Nam dan ianya akan memfokus kepada latihan dan penyelidikan dalam bidang-bidang berkaitan dengan informasi seperti *Data Analytics*, *Internet of Things*, *Cloud Computing* dan *Cybersecurity*.

Adalah sangat perlu untuk aktiviti penyelidikan dapat menyumbang kepada peningkatan ilmu pengetahuan serta menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Beta juga ingin melihat lebih banyak lagi hasil penyelidikan dapat dimanfaatkan untuk aktiviti komersial serta sekali gus mempromosi peluang pekerjaan. Beta berharap agar penyelidikan dan inovasi terus ditingkatkan terutama sekali yang melibatkan kolaborasi atau kerjasama rapat di antara universiti dan agensi-agensi yang relevan seperti industri-industri.

Untuk akhirnya, beta sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan yang berjaya. Beta berharap supaya setiap graduan menanamkan sikap sentiasa ingin maju dan bersama-sama membangun negara yang kita cintai ini. Selain dari itu, beta juga mengingatkan para graduan untuk sentiasa berpegang kepada ajaran Islam supaya mereka sentiasa disirami dengan berkat dan rahmat Allah.

Beta juga mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga Universiti Brunei Darussalam, yang merangkumi Ahli-ahli Majlis, Ahli-ahli Senat Universiti, Naib Canselor, pegawai-pegawai Utama, ahli akademik, pegawai dan kakitangan universiti atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua akan membalas mereka dengan ganjaran-Nya yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun
ABDB Ke-56 Tahun di Pangkalan Tentera Laut Diraja
Brunei, Muara, pada hari Ahad, 26 Zulhijah 1438
Hijrah/17 September 2017 Masihi**

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mentakdirkan kita dapat menjalani kehidupan dengan penuh selesa.

Dalam usianya 56 tahun, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah memainkan peranannya dengan berkesan dalam memelihara keamanan dan kedaulatan negara. Tanggungjawab ini sangatlah berat lagi mencabar untuk dilaksanakan, khususnya dalam suasana persekitaran dunia tanpa sempadan.

Ledakan teknologi juga turut membuahkan ancaman-ancaman yang perlu dihadapi.

Ancaman paling jelas pada masa ini ialah penularan pengaruh pihak tertentu di merata dunia yang menggunakan pelbagai cara untuk mempengaruhi masyarakat supaya bersimpati dan menyokong objektif mereka. Di sini, anggota tentera juga adalah tidak terkecuali dari risiko pemesongan ideologi. Oleh itu, beta berseru kepada seluruh warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei supaya terus mengukuhkan benteng dalaman mereka agar selamanya menjadi perwira sejati, tidak terpengaruh oleh anasir-anasir yang tidak diingini.

Benteng dalaman ini termasuk ketahanan rohani dan agama. Kefahaman agama yang sempurna tidak syak lagi mampu untuk menangkis segala fahaman salah yang menjurus kepada ekstremisme.

Di sinilah pentingnya nilai-nilai Melayu Islam Beraja menjiwai kehidupan kita.

Kita perlu ingat bahawa anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab sangatlah bijak mempergunakan kaedah-kaedah baharu seperti media sosial untuk menyebarkan ideologi mereka dan seterusnya mendorong masyarakat ke arah *radicalisation*. Oleh itu, beta menekankan betapa mustahaknya untuk mematuhi etika penggunaan media sosial, dan menjalankan pemantauan secara proaktif bagi memastikan keutuhan benteng dalaman itu.

Selain daripada ancaman *radicalisation*, ancaman siber juga semakin membimbangkan. Dalam zaman digital ini, internet memainkan peranan untuk memenuhi keperluan kita. Ini termasuklah bagi Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Oleh itu, risiko terhadap keselamatan siber ini adalah sangat tinggi. Ianya dinamik dan sentiasa boleh dieksploitasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Maka dalam perkara ini, beta sukacita mengambil maklum akan usaha-usaha Kementerian Pertahanan dalam meningkatkan pertahanan siber sebagai langkah memperkukuhkan lagi benteng pertahanan.

Mengambil kira kepelbagaian ancaman keselamatan yang semakin kompleks ini, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei patutlah memberikan perhatian lebih khusus terhadap tahap kesiapsiagaan kita melalui kaedah-kaedah lebih pintar selaras dengan keadaan semasa.

Sifat proaktif dan bijak mestilah ada dalam membuat pengurusan, pemeliharaan aset-aset pertahanan dan pembinaan kapasiti anggota-anggota tentera. Beta berharap kesiapsiagaan dalam perkara ini hendaklah sentiasa di tahap yang tinggi agar peranan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dapat dilaksanakan dengan berkesan. Maka untuk itu juga, Kementerian Pertahanan adalah perlu untuk melaksanakan *Prioritisation Exercise* dan *Equipment Care* dengan

lebih komprehensif supaya peruntukan kewangan yang sedia ada dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya.

Dalam bidang kerjasama, beta mengharapkan supaya Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi keselamatan dalam negeri untuk menggunakan strategi sekuriti yang holistik. Demikian juga sama pentingnya bekerjasama dengan rakan-rakan luar negara. Beta yakin semua ini boleh dicapai melalui *platforms* yang sedia ada di peringkat serantau dan antarabangsa.

Beta turut berbangga dengan penglibatan kita dalam misi-misi pemantauan dan pengaman melalui Pasukan Pemantau Antarabangsa di Mindanao, Republik Filipina dan Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan. Penempatan anggota-anggota di Information Fusion Centre dan Regional Humanitarian Assistance and Disaster Relief Coordination Centre (RHCC) di Changi, Republik Singapura, turut juga menjadi tanda komitmen negara dalam meningkatkan keselamatan serantau.

Beta juga berpuas hati dengan inisiatif-inisiatif di peringkat ASEAN, khususnya di bawah ASEAN Defence Ministers' Meeting atau ADMM. InsyaaAllah, Menteri-menteri Pertahanan ASEAN akan melancarkan talian *hotline* ASEAN Direct Communications Infrastructure pada penghujung tahun ini. Beta percaya, ini akan memperkukuhkan lagi mekanisme tindak balas dan bantuan dalam keadaan kecemasan khasnya yang berkaitan dengan keselamatan maritim.

Semua pencapaian ini tentu saja berpunca daripada kepimpinan dan perpaduan yang berkesan di semua peringkat Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Beta mengucapkan syabas atas pencapaian ini.

Melalui kesempatan ini, beta ingin merakamkan penghargaan kepada semua anggota Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, sama ada yang masih bertugas mahupun

yang telah bersara di atas komitmen dan dedikasi mereka yang tinggi selama ini. Tidak lupa juga, beta ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli keluarga anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei terus memberikan sokongan moral dan semangat kepada mereka.

Akhir kata, beta mengucapkan syabas kepada semua warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang berbaris tangkas pada pagi ini dan yang terlibat dalam menjayakan Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada tahun ini.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Perutusan Sempena Menyambut Awal Tahun
Baharu Hijrah 1439, di Istana Nurul Iman,
pada hari Khamis, 1 Muharam 1439 Hijrah/
21 September 2017 Masihi**

Assalamu ‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil ‘Aalameen,
Wabihee Nasta’eenu ‘Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu ‘Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa’alaa ‘Alihie Wasahbihee Ajma’een, Waba’d�.

MARILAH kita sama-sama bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata’ala yang telah melimpahkan rahmat-Nya, sehingga kita dapat memasuki gerbang Tahun Baharu Hijrah 1439.

Menyambut dan mengalu-alukan kedatangan Tahun Baharu Hijrah pada kali ini dirasakan lebih bererti lagi kerana kebetulan beberapa hari sahaja lagi negara akan menyambut Jubli Emas 50 Tahun beta menaiki takhta.

Pada hemat beta, ini adalah petanda baik kerana sebagaimana kita sama-sama maklum peristiwa hijrah adalah satu peristiwa suci dan agung, kerana ia bukan dirancang oleh sesiapa melainkan satu perintah langsung daripada Allah kepada rasul-Nya.

Sebab itulah apa jua yang berkaitan atau dikaitkan dengan hijrah, adalah ia tidak kosong, melainkan ada saja manfaat dan berkatnya termasuklah langkah kita mengadakan Sambutan Awal Tahun Hijrah pada setiap tahun.

Hijrah dalam bahasa, maknanya ‘pindah’. Tetapi pindah di sini adalah semata-mata untuk memperolehi ‘kebajikan’.

Begitulah dengan hijrah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam adalah bertujuan untuk menyelamatkan akidah ummah. Kerana akidah adalah segala-galanya.

Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bukan berhijrah untuk mendapatkan kesenangan dunia, tetapi Baginda berhijrah untuk keselamatan kita dan di akhirat. Kerana hanya umat yang berakidah sahaja yang akan selamat itu.

Ini telah pun menjadi ketentuan Allah sendiri, bukan ketentuan kita. Sesungguhnya ketentuan Allah itu tidak siapa pun yang boleh mengubah atau memindanya.

Pengajaran hijrah yang sebenar-benarnya, untuk menyelamatkan dan menguatkan akidah kita.

Adapun cara menyelamatkan dan menguatkan akidah itu ialah dengan amal soleh. Amal solehlah tuntutan tertinggi untuk dilakukan. Ia adalah semata-mata perkara suci di sisi Allah.

Demikian itulah harga amal soleh. Ia merujuk kepada perbuatan orang berakidah. Adapun orang tidak berakidah atau yang rosak akidah, mereka tidak mungkin untuk melazimi amal soleh.

Oleh itu, marilah kita sama-sama menginsafi akan kepentingan akidah dan sekali gus menyedari akan rahsia amal soleh sebagai jambatan menuju keredaan Allah di dunia dan di akhirat.

Maka dengan itu, sentiasalah kita berawas dari terjebak kepada penyelewengan akidah.

Kepada pihak-pihak bertanggungjawab yang berkaitan, jadikanlah ini keutamaan. Jangan pejamkan mata kalau nampak penyelewengan sudah atau sedang berlaku. Ataupun ia baru didengar atau dihidu berlaku, maka pihak-pihak bertanggungjawab itu hendaklah sesegera mungkin mengambil langkah dan bertindak.

Banyak cara untuk bertindak itu, di antaranya melalui kaedah dakwah atau nasihat ataupun kalau perlu melalui akta. Jika akta belum wujud lagi maka kita adakan akta.

Pada hemat beta, menangani penyelewengan dengan akta mungkin saja lebih efektif dari yang lain-lain.

Berbalik lagi mengenai hijrah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam untuk menyelamatkan akidah, maka mengenang ini semua, kita merasa amat hiba apabila mengetahui bahawa di zaman moden ini masih berlaku lagi penghijrahan untuk menyelamatkan nyawa dan akidah.

Penghijrah-penghijrah itu terpaksa lari meninggalkan tempat tinggal sendiri yang namanya tanah air, kerana dizalimi dengan pelbagai bentuk kezaliman.

Kalau dahulu kita hanya mendengar atau membaca tentang orang-orang yang dizalimi, tetapi sekarang dengan kecanggihan teknologi, kita juga sudah dapat melihat dengan mata kepala bagaimana penzaliman itu dilakukan seperti dengan membunuh atau menyeksa atau membakar kampung dan rumah para mangsa itu. Semua ini turut muncul di dalam media sosial, termasuk melalui kaca-kaca TV.

Brunei Darussalam adalah bersama-sama ‘suara sedunia’ mengesali apa yang berlaku di Myanmar dan meminta pihak berkuasa di negara tersebut supaya menyelesaikan krisis kemanusiaan ini dengan seadil-adilnya.

Untuk mengakhiri perutusan ini, beta dan keluarga beta dengan tulus ikhlas mengucapkan kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini selamat menempuh Tahun Baharu Hijrah 1439.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Guru
Negara Brunei Darussalam Ke-27,
di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas, pada hari Selasa, 5 Muharam 1439 Hijrah/
26 September 2017 Masihi**

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat pula hadir di Majlis Sambutan Hari Guru Kali Ke-27, Tahun 2017 pada pagi ini. Beta sukacita mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua para guru dan pendidik di Negara Brunei Darussalam.

Beta mengambil maklum mengenai tema Sambutan Hari Guru pada tahun ini berbunyi: 'Kecemerlangan Guru Teras Kejayaan Ummah'.

Sebagai pendidik, guru memang dikehendaki sentiasa cemerlang untuk melahirkan anak-anak bangsa yang berjaya. Guru adalah nadi bagi kejayaan.

Berdasarkan dunia sentiasa berubah dan berkembang, maka tuntutan kapasiti sumber tenaga manusia adalah semakin mencabar. Ini turut memberikan implikasi kepada definisi kecemerlangan seorang guru. Menyedari hakikat ini, beta gembira dengan usaha Kementerian Pendidikan untuk menjadikan perkembangan kapasiti guru sebagai fokus utama dalam strategi pendidikan.

Ini memang wajar untuk pembaikan dan peningkatan diri.

Menyentuh usaha memperkukuhkan kapasiti guru, beta menyambut baik inisiatif *Literacy and Numeracy Coaching Program* yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan.

Program ini bertujuan untuk melahirkan lebih ramai guru-guru tempatan yang cemerlang yang diperakui sebagai *Local Coaches*.

Beta gembira mengetahui bahawa seramai 29 orang guru setakat ini telah pun menamatkan program pembangunan kapasiti dan kini diiktiraf sebagai *Local Coaches* dalam *Literacy and Numeracy Coaching Program* ini. Beta berharap jumlah ini akan meningkat lagi.

Bagi guru-guru yang tidak terlibat secara langsung sebagai *Local Coaches* ataupun *Learning Partners* adalah disarankan supaya memanfaatkan kepakaran *International Coaches* dengan mengikuti program-program perkembangan profesional guru-guru yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan.

Dalam pada itu, beta ingin mengingatkan supaya Kementerian Pendidikan tidak bersifat leka atau terlepas pandang dari memantau pelaksanaan *Literacy and Numeracy Coaching Program* ini. Pastikan ia berjalan di atas landasan yang tidak bercanggah dengan falsafah kita. Ini sangat penting, di samping perubahan signifikan yang dibawanya kepada prestasi guru.

Sehubungan dengan perkara ini, mungkin juga elok bagi Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengambil daya usaha dengan jabatan dan agensi kerajaan yang berkenaan bagi menyediakan pakej yang menarik sebagai insentif kepada guru-guru yang berminat menjadi *Local Coaches*.

Dalam masa yang sama, kita juga akan mengukur kompetensi pelajar dalam pengetahuan dan kemahiran berfikir. Ini dapat dilaksanakan melalui penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam Programme for International Student Assessment (PISA). Program ini akan disertai oleh setiap pelajar kita yang berumur 15 tahun pada tahun 2018, dan akan menilai kompetensi serta kedudukan pelajar-

pelajar kita itu berbanding dengan pelajar-pelajar lain di peringkat antarabangsa.

Ini juga merupakan cabaran terhadap tahap kapasiti guru-guru kita dalam menerapkan kefahaman kepada pelajar-pelajar kita untuk memahami bahan kandungan dan proses berfikir yang kompleks di dalam kehidupan ini.

Soal ini kita jangan lupa, satu perkara lebih penting berbanding pencapaian akademik ialah nilai akhlak mulia bagi pelajar. Ini seyogianya jangan diabaikan.

Para guru adalah bertanggungjawab langsung terhadap pembentukan akhlak pelajar. Peranan mereka bukan setakat memperkaya sumber ilmu tetapi juga untuk menjadi ikutan atau tauladan kepada anak didik iaitu guru.

Kerana itu guru tidaklah boleh berlepas tangan mengenai akhlak. Kerana akhlak itu sendiri adalah pakaian guru.

Dalam konteks yang sama juga ialah ibu bapa. Mereka tidak boleh berkecuali mengenai pendidikan, bahkan merekalah sekolah pertama dan utama sebelum lagi lain-lain sekolah. Pengaruh mereka cukup kuat untuk menentukan corak atau bentuk keperibadian anak-anak. Maka kerana itu, beta mengajak para ibu bapa untuk sama-sama menyedari hakikat ini.

Akhirnya, beta sekali lagi mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru di negara ini, semoga segala usaha mereka dalam mendidik anak bangsa akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Kepada para penerima Anugerah Hari Guru pula, beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan semoga penganugerahan ini akan menjadi pencetus semangat dan motivasi bagi seluruh warga guru untuk meningkatkan lagi prestasi pendidikan ummah.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah dalam Majlis Konvokesyen Kali Kelima Bagi
Graduan Ijazah dan Majlis Konvokesyen Bagi Graduan
Diploma Tertinggi Kebangsaan Ke-26, UTB,
di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas,
pada hari Sabtu, 9 Muharam 1439 Hijrah/
30 September 2017 Masihi**

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir di Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Brunei (UTB) Tahun 2017.

Di kesempatan ini, beta sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Semoga kejayaan ini akan jadi pemangkin kepada kecemerlangan di masa akan datang. Ucapan tahniah ini juga beta tujukan kepada ibu bapa dan penjaga serta tenaga pengajar yang sentiasa memupuk semangat cintakan ilmu kepada para graduan sehingga mereka itu beroleh kejayaan.

Beta difahamkan bahawa Majlis Konvokesyen pada kali ini akan menyaksikan penganugerahan sulung bagi program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dan Ijazah Sarjana Masters by Coursework. Beta juga mengambil maklum bahawa kemasukan para pelajar ke UTB bagi program lepasan ijazah telah meningkat dari tahun ke tahun. Ini menunjukkan peningkatan keyakinan terhadap keupayaan UTB dalam mengendalikan program lepasan ijazah.

Walau bagaimanapun, nisbah pelajar antarabangsa masih saja belum mencapai sasaran optimum bagi Institusi Pengajian Tinggi.

Dalam hal ini, beta menyeru agar UTB melipatgandakan lagi usaha pengantarabangsaan untuk menarik pelajar-pelajar dari luar negara. Beta menyambut baik usaha UTB untuk menanda aras melalui penarafan bintang dan kedudukan di kalangan universiti-universiti di Asia.

Alhamdulillah, usaha penarafan bintang telah membawa hasil di mana UTB telah berjaya meraih 4 bintang pada penilaian keseluruhan oleh QS. Pencapaian ini sangatlah bermakna bagi UTB kerana belum pun sampai usianya 10 tahun ia sudah mampu untuk mendapat pengiktirafan seperti universiti-universiti yang sudah lama tertubuh.

Pada tahun 2014, beta pernah bertitah mengenai *Triple Helix*. Beta dimaklumkan bahawa konsep *Triple Helix* boleh dilaratkan kepada *Quadra-Helix* sekiranya ia melibatkan inovasi berteraskan pengguna atau *user-centric innovation*. Beta gembira dengan kemajuan yang dicapai dalam *Quadra-Helix* setakat ini.

Bukan itu sahaja, UTB juga telah merintis usaha dengan membuka Makmal Sains, Teknologi dan Inovasi untuk menempatkan industri di dalam kampus. Impak kerjasama seperti ini hendaklah diukur melalui penjana modal insan yang mempunyai kebolehpasaran tempatan atau global, serta mempunyai kemahiran dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau ringkasnya, STEM.

Selain itu, beta juga difahamkan bahawa kerjasama antara UTB dan Syarikat Sesame World Technology telah menghasilkan inovasi ketara melalui pengeluaran produk dalam Directed Sound System yang mempunyai nilai komersial. Ini juga penting kerana ia boleh menyumbang kepada hasil negara melalui ekonomi berasaskan inovasi.

Khusus mengenai penjana modal insan, beta ingin mengingatkan supaya apa jua aktiviti UTB ke arah ini hendaklah tidak bercanggah dengan falsafah MIB. MIB adalah ‘calak’ kita.

Akhirnya, beta sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan yang diraikan pada pagi ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada semua warga Universiti Teknologi Brunei, yang merangkumi Ahli-ahli Majlis, Ahli-ahli Senat, Naib Canselor, Pegawai-pegawai Utama, Ahli-ahli Akademik, pegawai dan kakitangan atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati segala pengorbanan mereka, dengan mengurniakan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Titah dalam Majlis Istiadat Mengadap Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta, di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, pada hari Khamis, 14 Muharam 1439 Hijrah/5 Oktober 2017 Masihi

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA mengucapkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, dapatlah kita bersama-sama meraikan Sambutan Jubli Emas beta menaiki takhta, dalam suasana aman, tenteram dan harmoni.

Hari ini adalah hari paling bersejarah bagi beta sendiri, dan juga bagi seluruh rakyat dan penduduk di negara ini. Sejarah beta adalah juga sejarah bangsa dan negara. Kerana siapa beta selaku Raja, tidak boleh putus hubungan dengan bangsa dan negara. Tegasnya, beta tetap berkongsi sejarah dengan mereka.

Kerana itulah perayaan ini menjadi milik bersama di antara beta selaku Raja dan rakyat jelata. Kalau beta dilihat gembira, maka rakyat juga adalah berhak untuk bergembira. Jika beta bersyukur, maka rakyat juga patut bersyukur.

Demikian itu hubungan Raja dengan rakyat. Tidak ada tembok pemisah di antara mereka. Kewajipan Raja berlaku adil kepada rakyat, sementara kewajipan rakyat pula mentaati Raja. Raja berkewajipan untuk mengetahui susah senang rakyat, sementara rakyat pula dituntut untuk bersimpati kepada Raja. Inilah namanya kewajipan timbal balik untuk kesejahteraan semua. Raja dan rakyat sama-sama memegang amanah besar ini.

Inilah rukun kehidupan kita di negara ini. Ia telah pun wujud dengan jayanya semenjak dari enam ratus tahun lagi. Marilah kita pelihara ia, dan teruslah memupuknya sehingga zaman-berzaman.

Menzahirkan rasa sukacita yang mendalam, beta dengan tulus ikhlas merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih beta kepada semua peringkat jawatankuasa yang bertanggungjawab dan bertungkus-lumus merancang dan menjayakan sambutan ini.

Penghargaan yang sama juga tidak diabaikan terhadap kerabat diraja, orang-orang bergelar, pemimpin-pemimpin masyarakat dan seluruh rakyat, sama ada yang berada di dalam atau di luar negara di atas sokongan berterusan dan taat setia mereka kepada beta dan kerajaan. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan memberkati dan melimpahkan rahmat dan hidayat-Nya kepada kita semua, Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah dalam Majlis Haflut Takharruj Ke-7
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Bagi Tahun 1439 Hijrah/2017 Masihi,
di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas, pada hari Isnin, 25 Muharam 1439 Hijrah/
16 Oktober 2017 Masihi**

Assalamu ‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil ‘Aalameen,
Wabihee Nasta’eenu ‘Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu ‘Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa’alaa ‘Alihie Wasahbihee Ajma’een, Waba’d.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata’ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita berhimpun di Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-7, Universiti Islam Sultan Sharif Ali pada pagi ini.

Mula-mula beta merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan kerana telah berjaya menamatkan pengajian masing-masing. Begitu juga, setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan beta kepada para ibu bapa, penjaga dan pensyarah di atas pengorbanan mereka sehingga mampu untuk melahirkan para graduan yang berjaya.

Seperti sama-sama dimaklumi, UNISSA pada tahun ini meraikan usianya yang Ke-10 tahun. Sepanjang tempoh berkenaan UNISSA telah meraih banyak pencapaian sebagaimana dihasratkan.

Sesuai dengan usianya yang semakin matang, beta berharap UNISSA akan terus menyerlah selaku mercu tanda kegemilangan Islam di negara ini. Ini bermakna UNISSA perlu untuk terus berkembang sejajar dengan perkembangan dan keperluan semasa.

Maka sehubungan ini, beta gembira mengetahui bahawa Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat UNISSA telah memulakan operasinya. Beta melihat pusat ini mampu untuk jadi pemangkin kepada pengayaan ilmu dan pemeraksanaan kemahiran semua lapisan masyarakat tanpa mengira usia.

Di samping itu, pusat ini juga tentu berupaya untuk memantapkan lagi profesionalisme para penjawat awam dengan menawarkan pelbagai kursus kepada mereka.

Di sini, UNISSA perlu menyediakan pelan tindakan yang bersesuaian dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu. Untuk itu, beta menyambut baik inisiatif UNISSA dalam meningkatkan kualiti pengajian, penyelidikan dan tadbir urus serta penawaran program dan kursus-kursus baharu yang bersesuaian.

Beta optimis dengan perkembangan ini, ditambah lagi dengan kestabilan sosiopolitik negara, akan menjadikan UNISSA lebih berpotensi untuk menarik lebih ramai lagi pelajar dari dalam dan luar negara, dan sekali gus menjadikan UNISSA sebagai hab pusat pengajian Islam di rantau ini.

Ikhtiar ke arah ini tidak syak lagi akan membuka peluang lebih luas untuk meningkatkan kebolehpasaran lulusan UNISSA. Sesungguhnya dengan pendedahan kepada pelbagai bidang ilmu dan kemahiran, pelajar UNISSA juga mampu untuk menjadi lulusan yang serba boleh, yang boleh berkhidmat di pelbagai sektor termasuk juga menjadi usahawan yang berjaya.

Faktor inilah yang menjadikan UNISSA semakin dikenali di peringkat global serta menjadi idaman ramai pelajar-pelajar serantau dan antarabangsa untuk menjadikannya tempat pengajian mereka. Peningkatan kemasukan dan permohonan pelajar-pelajar antarabangsa pada setiap tahun ke UNISSA adalah petanda bahawa UNISSA mempunyai keistimewaan tersendiri di mata luar. Beta turut mendukung usaha UNISSA untuk menarik lebih ramai pelajar

antarabangsa bagi melanjutkan pengajian mereka di UNISSA sebagai salah satu sumbangan kerajaan beta kepada pembangunan ummah sejagat.

Akhirnya, beta mengambil peluang untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga UNISSA yang meliputi Ahli-ahli Majlis, Ahli-ahli Senat, Rektor, pegawai utama, ahli-ahli akademik dan seluruh pegawai dan kakitangan universiti di atas segala sumbangan dan khidmat bakti mereka. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan membalas mereka dengan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Majlis Konvokesyen Ke-7
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
1439 Hijrah/2017 Masihi,
di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas, pada hari Rabu, 5 Safar 1439 Hijrah/
25 Oktober 2017 Masihi**

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

SYUKUR kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan inayah-Nya jua dapatlah kita sama-sama hadir di Majlis Konvokesyen Ke-7 Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan pada pagi yang مبارak ini.

Dengan rasa bangga yang mendalam, beta sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing di KUPU SB. Para graduan perlu bersyukur dengan kejayaan ini kerana ia diperolehi melalui hidayat dan pertolongan Allah, di samping sedikit usaha daripada kita sendiri.

Para graduan mustahak sedar bahawa profesion keguruan adalah sangat mulia. Guru berperanan penting dalam pembentukan masyarakat dan pembangunan negara. Sebagai pembentuk dan pembangun itu, warga guru mesti mempunyai semangat juang yang tinggi serta idea-idea besar untuk perubahan. Tanpa semangat dan idea besar, sebarang perubahan adalah sukar untuk dicapai.

Para graduan perguruan agama adalah juga ejen masyarakat untuk membantu menjelaskan hala tuju serta program-program kebangsaan dari semasa ke semasa. Mereka turut berperanan untuk membetulkan keadaan menurut lunas-lunas ilmu agama yang suci.

Ilmu agamalah pembentuk cara berfikir terbaik untuk diterapkan ke dalam kehidupan. Jika ada cara ini, maka itulah asas untuk negara beroleh kebajikan dan berkat. Adapun kebajikan paling bermutu ialah negara sentiasa berada dalam selamat. Firman Allah Ta'ala dalam Surah Hud, ayat 117 tafsirnya:

“Dan Tuhanmu sekali-kali tidak akan membinasakan negeri-negeri secara zalim, sedang penduduknya adalah orang-orang yang berbuat kebaikan.”

Maka sehubungan ini, KUPU SB dan institusi pengajian tinggi yang lain amat perlu untuk menyediakan pengalaman-pengalaman berfikir yang kritis supaya para graduan mampu untuk menggarap kebajikan bagi masyarakat dan negara.

Negara sangat memerlukan disiplin-disiplin yang bermanfaat untuk pembangunan modal insan. Adalah tidak memadai, kita belajar hanya untuk ilmu, tetapi ilmu mesti dipelajari untuk jadi pelengkap.

Setiap pusat pengajian tinggi hendaklah sentiasa menilai program yang ditawarkan, supaya kandungan kurikulumnya tetap relevan dan praktis dengan keperluan-keperluan semasa. Ini termasuklah kaedah pengajaran dan penilaian perkembangan pelajar.

Dalam konteks ini juga, pusat pengajian tinggi perlu untuk memastikan staf akademiknya memiliki ciri-ciri profesional yang tinggi, yang mampu untuk menghidangkan pendekatan-pendekatan yang efektif dan inovatif serta dapat pula membuat penilaian perkembangan pelajar secara holistik dan saksama.

Beta mengambil maklum bahawa KUPU SB telah menyediakan beberapa kompetensi dalam usaha melahirkan graduan pendidik

yang berjati diri. KUPU SB juga sedang giat memantapkan program-program bagi mencapai kompetensi berkenaan.

Usaha ini sangatlah wajar dan bagus. Namun kaedah penilaian mestilah juga kemas dan sistematik, supaya para graduan benar-benar mencapai kualiti kompetensi yang diharapkan.

Pendeknya, semua pusat pengajian tinggi perlu bergerak mengemaskan program dan kokurikulum masing-masing supaya dapat melahirkan para graduan yang seimbang dan holistik dari aspek-aspek kerohanian, intelek, jasmani, keusahawanan dan kemasyarakatan.

Khusus seperti KUPU SB dan UNISSA, mereka ini adalah sangat menunggu para calon daripada sekolah Arab. Lulusan daripada sekolah Arablah yang merupakan calon-calon utama untuk KUPU SB dan UNISSA. Oleh itu, objektif melahirkan lulusan-lulusan sekolah Arab perlulah serba lumayan, bukan sahaja lumayan kuantiti tetapi lebih-lebih lagi lumayan kualiti.

Dalam makna, ibarat kilang, sekolah Arab adalah sangat perlu untuk menghasilkan bahan produknya yang berkualiti. Kerana itu, beta tidak jemu-jemu untuk mengingatkan supaya sekolah Arab mestilah terus diperkasa. Mana-mana yang kurang ditambah atau yang kurang bagus diperbagus atau yang masih lemah diperkuat sehingga sekolah ini benar-benar jadi unggul dan ternama.

Ini bukan mustahil, tetapi sesuatu yang mampu untuk dibuat jika kita benar-benar gigih dan bekerja dengan penuh azam.

Untuk akhirnya, beta sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga KUPU SB, terutama kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Majlis Kolej Universiti, Ra'es, Ahli Senat, pegawai-pegawai utama, ahli-ahli akademik serta kakitangan Kolej Universiti atas segala sumbangan dan khidmat yang mereka berikan. Semoga semua amal kebajikan yang telah diberikan akan diterima oleh Allah. Marilah kita berdoa semoga KUPU SB

menjadi sebuah pusat pengajian yang berkat dan diredai Allah serta dapat mencapai matlamat penubuhannya, Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah dalam Majlis Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia
Asia Tenggara Kali Ke-8 Tahun 1439/2017,
di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas, pada hari Khamis (Malam Jumaat),
7 Safar 1439 Hijrah/26 Oktober 2017 Masihi**

Assalamu ‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil ‘Aalameen,
Wabihee Nasta’een ‘Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu ‘Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa’alaa ‘Alihie Wasahbihee Ajma’een, Waba’dhu.

TERLEBIH dahulu beta mengucapkan selamat datang kepada para belia dari negara-negara ASEAN yang menyertai Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Asia Tenggara Tahun 1439 Hijrah/2017 Masihi. Khusus kepada peserta baru Timor Leste, beta menghulurkan salam muhibah dan selamat maju jaya dalam bidang ini.

Beta seterusnya mengucapkan syabas dan tahniah kepada para pemenang Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Asia Tenggara bagi tahun 1439/2017 dan juga kepada semua peserta lain yang telah menunjukkan semangat perpaduan ASEAN.

Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Asia Tenggara, tidak syak lagi adalah satu langkah ke arah menggalakkan aktiviti dan interaksi sosial yang lurus di kalangan para belia. Ia juga dapat menyifatkan sebagai perkongsian kerjasama antara kerajaan untuk membina generasi belia.

Pertemuan para belia di musabaqah ini mampu untuk meningkatkan jaringan interaksi serantau antara masyarakat belia. Iaitu juga boleh menyumbang kepada perpaduan ummah secara menyeluruh.

Generasi belia adalah merupakan sumber tenaga besar negara-negara ASEAN. Dengan bilangan mereka berjumlah 211 juta,

menjadikan mereka berupaya untuk menggerakkan pembangunan dalam negara masing-masing. Kejayaan menggembelng tenaga belia akan menambahkan lagi kekuatan dan ketahanan negara.

Hasrat beta mengetengahkan Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Asia Tenggara ini ialah untuk melihat para belia ASEAN turut memiliki peribadi Al-Quran. Maksud beta dengan peribadi Al-Quran ialah akhlak mulia mengikut calak Al-Quran. Semua ini orang Islam dikehendaki untuk memiliki akhlak Al-Quran.

Menerusi Dasar Belia Negara, kita juga menitikberatkan peningkatan ilmu pengetahuan. Kerana ilmu adalah tonggak bagi pembangunan. Tanpa ilmu, pembangunan tidak mungkin dapat dilaksanakan. Ini juga sangat perlu kepada belia.

Maka ke arah ini, generasi belia perlu celik teknologi terkini, kemahiran teknik dan vokasional serta mempunyai *basic* keusahawanan selaras dengan kehendak pembangunan negara. Beta juga menggalakkan supaya generasi belia menyertai organisasi atau aktiviti sukarela yang dapat memupuk gaya hidup yang sihat, cergas dan dinamik. Amalan ini tidak diragukan lagi dapat menghasilkan pemimpin-pemimpin yang berkualiti.

Persoalan kualiti di sini tidak saja menyangkut perkara luaran, tetapi juga turut menyangkut perkara yang lebih penting lagi iaitu pemikiran, sikap dan kebolehan.

Dari senario inilah golongan muda itu dapat dinilai, sama ada berkualiti atau sebaliknya. Namun kita tetap percaya bahawa mereka memang benar-benar berkualiti serta menjadi harapan bangsa yang sangat bernilai.

Agama Islam memang mahu umatnya berkualiti dan kaya dengan nilai. Nilai yang dikehendaki oleh Islam itu paksinya adalah ‘akhlak yang mulia’. Dari akhlak yang mulia inilah lahirnya segala sifat terpuji, seperti taat beragama, setia kepada Ulil Amri, cinta kepada

negara, amanah, ikhlas dan ihsan. Inilah akhlak yang disuruh kita memakainya oleh Islam.

Semoga para belia dan malah kita semua diizinkan oleh Allah untuk dapat memiliki akhlak yang mulia ini.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah dalam Perasmian Majlis Ilmu 2017 Sempena
Hari Ulang Tahun Keputeraan Yang Ke-71 Tahun
di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas, pada hari Selasa, 18 Safar 1439 Hijrah/
7 November 2017 Masihi**

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya, dapatlah kita hadir dan berkumpul di Majlis Ilmu pada pagi yang mubarak ini.

Beta sangat gembira kerana Majlis Ilmu diungkayahkan pada ketika negara masih saja dalam suasana meraikan Sambutan Jubli Emas Beta Menaiki Takhta.

Pada tahun ini, Majlis Ilmu memaparkan tema: 'Mensyukuri Kepimpinan, Terutama Perkhidmatan Ugama, Sepanjang 50 Tahun Pemerintahan Beta.'

Beta juga difahamkan, bahawa satu Ceramah Khas akan disampaikan bertajuk: 'Pemerintahan Raja Yang Soleh Membawa Berkat.'

Tidak syak lagi majlis ini akan mendepani usaha untuk mencari tafsiran tepat siapakah Raja, apa tugas dan peranan serta kesan daripada tindak-tanduk Raja?

Semua ini akan jadi tugas dan tanggungjawab para ilmuwan jua untuk memberikan perspektif yang sahih.

Tugas ini bukanlah ringan, malah berkehendakkan para ilmuwan yang benar-benar ahli serta amanah.

Bercakap mengenai kepimpinan, ia adalah berkait rapat dengan ilmu. Tanpa ilmu kepimpinan boleh sahaja pincang. Mengapakah begitu? Kerana bukannya ilmu itu ‘pelita’? Cubalah bayangkan kalau kita berjalan di dalam gelap tanpa pelita?

Kerana itu beta sangat teruja dengan Majlis Ilmu ini dapat diadakan pada setiap tahun yang disempenakan dengan Hari Keputeraan beta. Banyaklah ilmu yang boleh dikaut daripada majlis ini.

Dunia kini penuh dengan cabaran. Di antara cabaran yang sering-sering menggugat ialah cabaran dalam amalan beragama. Ia silih berganti, seperti saja tidak ada kesudahannya.

Dalang yang membawa cabaran, sangat suka menghambur-hamburkan pendapat, seperti memburuk-burukkan amalan bertahlil, menolak ziarah kubur, mempertikai Sambutan Maulid Ar-Rasul, membaca Al-Quran sebelum memulakan tugas dan lain-lain dengan alasan semua itu tidak dibuat oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

Mereka ini tidak mahu mendengar penerangan-penerangan oleh para ulama, kecuali terus saja berdegil dengan pendapat dan pendirian mereka.

Ini nampaknya tidak boleh dibiarkan untuk terus berleluasa. Walaupun kita sudah berusaha dengan pelbagai cara, melalui dakwah dan nasihat untuk memberhentikan amalan dan pendapat yang menyalahi kebiasaan ini, namun masih saja kedengaran ia berlaku, dilakukan oleh pihak-pihak yang degil itu.

Pada hemat beta, ada eloknya perkara ini ditangani secara undang-undang dengan menyediakan peruntukan di bawah akta bersesuaian untuk menyekat sama sekali pendapat atau amalan songsang menolak tahlil, mempertikaikan Sambutan Maulid Ar-Rasul, ziarah

kubur, membaca Al-Quran sebelum memulakan tugas dan lain-lain seumpamanya.

Hanya dengan cara ini sahaja, semua di'ayah untuk mempengaruhi atau mengganggu-gugat keharmonian beragama di negara ini dapat disekat dengan berkesan.

Kita tidak mampu untuk membiarkan sesiapa jua untuk membawa atau mengimport sebarang ajaran yang boleh melangkahnya. Ia telah pun dikanunkan dalam perlembagaan sebagai dasar muktamad kita.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-24,
Tahun 1439 Hijrah/2017 Masihi,
di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas, pada hari Rabu, 3 Rabiulawal 1439 Hijrah/
22 November 2017 Masihi**

Assalamu ‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil ‘Aalameen,
Wabihee Nasta’eenu ‘Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu ‘Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa’alaa ‘Alihie Wasahbihee Ajma’een, Waba’d�.

BETA bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata’ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita berkumpul pada pagi ini di Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-24.

Perkhidmatan Awam adalah nadi utama yang menentukan kemajuan dan keutuhan sesebuah negara.

Kerana itu, beta sentiasa mengikuti perkembangan prestasi dan situasi Perkhidmatan Awam dari sudut perkhidmatannya.

Maka dalam hubungan ini, beta sukacita mengambil maklum bahawa Jabatan Perdana Menteri sebagai agensi utama dalam memimpin Perkhidmatan Awam sedang giat melaksanakan Rangka Kerja Perkhidmatan Awam itu.

Salah satu transformasi yang telah dikenalkan mulai 1 Oktober 2017 ialah Sistem Pengurusan Prestasi Baharu bagi semua warga Perkhidmatan Awam. Matlamat utamanya adalah jelas, iaitu untuk membolehkan penilaian hasil kerja setiap pegawai dan kakitangan adalah adil, telus dan objektif serta mencerminkan sumbangan sebenar masing-masing.

Pada hemat beta, memang sesuai sistem penilaian memberikan

tumpuan kepada Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator* (KPI), di samping Penilaian Kompetensi. Dalam hal ini, beta menyeru setiap warga Perkhidmatan Awam untuk benar-benar mengambil serius dalam melaksanakan Sistem Penilaian Prestasi Baharu ini mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

Beta percaya sistem baharu ini juga akan lebih menyumbang kepada produktiviti dan daya saing dalam memberikan perkhidmatan yang berkesan dan berkualiti serta menggalakkan inovasi sebagai budaya kerja.

Menyebut mengenai inovasi, warga Perkhidmatan Awam tidak boleh tidak, perlu menjana idea-idea baharu bagi memacu penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan. Di sinilah pemimpin-pemimpin Perkhidmatan Awam dari peringkat Setiausaha Tetap, ketua jabatan malahan peringkat ketua unit perlu memainkan peranan mereka dalam melakukan *review* semula ke atas tatacara atau proses pemberian perkhidmatan.

Beta percaya kejayaan akan lebih menyerlah lagi apabila berlaku penyertaan yang meluas dari seluruh lapisan Perkhidmatan Awam. Budaya inovasi ini juga boleh menjadi penggalak kepada pelaburan asing bagi kemanfaatan ekonomi.

Bercakap mengenai ekonomi, alhamdulillah, usaha kerajaan ke arah penambahbaikan pada setakat ini telah pun menampakkan tanda-tanda positif.

Baru-baru ini, Laporan Bank Dunia mengenai *Ease of Doing Business* bagi tahun 2018 telah menyatakan kedudukan negara sebagai terus meningkat kepada 56 anak tangga dari kedudukan 105, tiga tahun sebelum ini. Negara kita juga terus diiktiraf sebagai satu ekonomi yang paling meningkat atau *most improved* dalam melaksanakan reformasi bagi tiga tahun berturut-turut. Lebih membanggakan lagi, satu petunjuk iaitu '*Getting Credit*' telah meraih tangga kedua tertinggi di dunia.

Pencapaian yang menggalakkan ini adalah bukti jelas keberkesanan kepimpinan dan pendekatan *'whole-of-nation'*. Beta yakin, persekitaran perniagaan di negara ini akan dapat dipertingkatkan lagi sehingga mencapai anak tangga 20 teratas atau *'Top-Twenty'* yang disasarkan.

Bagaimanapun, pada hemat beta, semua inisiatif yang disusun di bawah Rangka Kerja Perkhidmatan Awam tidak akan sempurna tanpa mengambil kira faktor-faktor kerohanian, akhlak dan etika bagi warga Perkhidmatan Awam.

Warga Perkhidmatan Awam yang baik ialah mereka yang berkhidmat dengan jujur dan amanah, bukan yang cekap tetapi curang. Kecekapan tidak akan bernilai apa-apa jika ia digunakan untuk menganiaya manusia. Kalau siapa diberikan kuasa, maka kuasa itu adalah amanah, tidak boleh digunakan sewenang-wenang seperti untuk kepentingan diri sendiri atau untuk menjejaskan orang lain sekalipun yang terjejas itu hanya sekadar *'nama baik'* sahaja.

Ini adalah penting. Beta tidak mahu di dalam Perkhidmatan Awam ada orang yang menyalahgunakan kuasa, atau tukang-tukang fitnah atau tukang-tukang cipta fitnah. Ini semua, tidak mendatangkan sebarang kebaikan melainkan sebaliknya banyak mengundang kepada keburukan. Perkhidmatan Awam mesti bersih daripada semua ini, barulah negara dan kerajaan akan beroleh berkat.

Beta pernah mendorong supaya mengamalkan semangat berpasukan lebih-lebih lagi bagi warga Perkhidmatan Awam kerana kerja-kerja yang dibuat secara berpasukan itu boleh mendatangkan lebih kebaikan. Tetapi apabila disebut berpasukan, ia bukanlah satu *'pakatan'*, dalam makna komplot atau kronisme. Komplot atau kronisme biasanya mempunyai ketua untuk mengontrol ahli-ahli kumpulan berkenaan, tetapi pasukan bukan begitu. Sifat pasukan adalah semata-mata muafakat dan mesyuarat.

Semua ini perlu dibezakan.

Akhirnya, beta dengan besar hati mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Pekerja Cemerlang dan pemenang-pemenang Anugerah Kumpulan Kerja Cemerlang Perkhidmatan Awam. Beta berharap anugerah-anugerah ini dapat menjadi sumber inspirasi kepada semua warga Perkhidmatan Awam untuk mempertingkatkan lagi tahap kecemerlangan perkhidmatan.

Beta juga tidak lupa mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada pegawai dan kakitangan yang bersara pada tahun ini di atas sumbangan dan jasa bakti mereka semasa dalam perkhidmatan. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan membalas pengorbanan mereka itu dengan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad
Sallallahu Alaihi Wasallam
Tahun 1439 Hijrah/2017 Masihi,
di Istana Nurul Iman, pada hari Khamis,
11 Rabiulawal 1439 Hijrah/30 November 2017 Masihi**

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

SAMBUTAN Maulid Ar-Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam adalah salah satu perayaan yang tidak akan dilupakan untuk diperingati di negara ini. Kerana itu beta sampai mengingatkan supaya sebarang usaha untuk mempertikai atau memperkecilkan perayaan ini eloklah ia dari awal-awal lagi ditangani dengan akta, bukan setakat dengan nasihat atau dakwah sahaja.

Tidaklah perlu untuk mengumpul sehingga banyak bukti mengenai orang-orang yang menolak tahlil, menolak talqin, menolak perayaan Maulid Ar-Rasul, menolak mengaminkan doa imam dan lain-lain. Yang penting ialah perkara ini memang sudah berlaku. Kalau di tempat kita ini, ia mungkin hanya kadang-kadang berlaku tetapi di setengah tempat lain, perkara ini sudahpun jadi tengkarah yang lumrah.

Dari itu adalah wajar untuk kita berwaspada.

Jadi, menggubal akta mengenainya memanglah sesuai sekurang-kurangnya sebagai persiapan kita untuk menghadapinya.

Tema sambutan kita pada tahun ini berbunyi: 'Rasulullah: Qudwah Kepimpinan Yang Adil'. Memang tidak diragukan lagi bahawa

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh ikutan yang paling unggul melaksanakan keadilan.

Baginda tidak pernah melakukan sebarang kezaliman sehingga pernah bersabda, maksudnya: *“Sekiranya Fatimah binti Muhammad mencuri, nescaya aku akan potong juga tangannya.”*

Ini lah gambaran keadilan Rasulullah. Dalam sejarah, tiada siapapun yang pernah dizalimi oleh Baginda. Semua orang menikmati keadilan daripada Baginda walaupun golongan musyrik yang memusuhi Baginda.

Ini lah makanya usaha Baginda mengembangkan Islam sangat berjaya kerana melalui keadilan itu, hati manusia mudah terpicat kepada Islam yang dibawa oleh Baginda.

Ini lah rahsia keadilan apabila ia dilaksanakan. Allah tidak akan menghampakan sesiapa jua yang bekerja untuk keadilan.

Dalam zaman yang penuh bergolak ini, kita biasa mendapati keadilan itu dicemari oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Setengah mereka terlalu kejam, merampas kebahagiaan orang lain dengan kezaliman.

Perbuatan ini amatlah terkutuk, hanya menunggu saat sahaja lagi untuk dibalas oleh Allah.

Di Negara Brunei Darussalam, kita tidak membenarkan kezaliman berlaku. Kita pantangkan ia berlaku. Sesungguhnya di bumi bertuah ini, kezaliman tidak ada tempat untuknya. Ia adalah musuh kita. Kita tidak mampu untuk berkompromi dengannya.

Kezaliman biasanya dilakukan oleh pihak-pihak yang kuat atau berkuasa termasuklah dalam dunia pekerjaan atau perkhidmatan. Kerana itu, beta berkewajipan untuk mengingatkan supaya sesiapa juga yang dititipkan dengan jawatan atau kuasa, tiada akan menggunakan jawatan atau kuasa itu untuk menzalimi orang lain.

Kezaliman yang paling dahsyat ialah ‘fitnah’: Fitnah ke atas orang-orang yang tidak berdosa. Seyogia diingat, fitnah mestilah dijaui oleh sesiapa saja yang ingin selamat.

Beta mahu Brunei kita mestilah bersih dari sebarang gejala fitnah dan kezaliman. Inilah saja modal kita untuk selamat. Allah Subhanahu Wata’ala pasti memberkati negara dan kerajaan yang adil.

Bersempena dengan memperingati Maulid Ar-Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini, maka marilah kita sama-sama memasang azam untuk benar-benar menghayati tema sambutan tentang keadilan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Biarlah tema ini tidak hanya untuk dibaca atau disebut sahaja, tetapi yang penting menjadikannya sumber ilham bagi kita untuk mencontohi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam perkara mengamal dan menjalankan keadilan itu.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Semasa Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk
Negara Brunei Darussalam
di United Kingdom dan Eire Bagi Tahun 1439H/2017M,
pada hari Ahad, 28 Rabiulawal 1439 Hijrah/
17 Disember 2017 Masihi**

BETA bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah beta pada hari ini bersama-sama dengan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang sedang berada di United Kingdom dan Ireland, terutama para pelajar, pegawai-pegawai kerajaan yang sedang bertugas di sini dan juga mereka yang sedang bercuti bersama-sama keluarga.

Bagi para pelajar, beta ingin mengingatkan bahawa kerajaan beta akan terus memberikan keutamaan kepada pendidikan, termasuk penyediaan skim-skim biasiswa dan skim bantuan pinjaman pendidikan. Oleh yang demikian, para pelajar adalah dikehendaki supaya memberikan fokus terbaik kepada pembelajaran, sambil bersikap sentiasa ingin mempertingkatkan diri masing-masing.

Begitu juga mereka yang mengikuti pengajian melalui perbelanjaan sendiri, sewajarnya, lebih gigih lagi. Kerana perbelanjaan yang dilabur oleh keluarga untuk menampung kos pengajian setiap pelajar bukanlah kecil. Kerana itu, ianya mestilah dihargai.

Selain dari aspek pembelajaran, para pelajar juga diharapkan untuk mempertingkatkan keupayaan diri. Dalam makna, pelaburan yang tinggi ini bukan hanya untuk meraih kejayaan akademik semata-mata, malahan juga untuk menyumbang kepada pembangunan negara apabila kembali ke tanah air kelak.

Mengenai pembangunan negara ini, para graduan boleh memainkan peranan penting ke arah itu. Ilmu dan kepakaran yang mereka perolehi adalah salah satu asas atau *foundation* untuk merealisasikan matlamat pembangunan tersebut. Namun ini hanya baru satu persiapan dalam menempuh alam pekerjaan.

Selain itu, rukun pembangunan juga mengambil kira kualiti dalaman, iaitu sahsiah dan sikap yang hebat dalam membangun.

Kita orang-orang Brunei, sahsiah dan sikap itu calaknya adalah MIB. Maka selain MIB, ia bukan Brunei.

Ini mustahak untuk difahami oleh para pelajar sekalian. Mereka adalah pewaris MIB, anak kandung kepada MIB. Mereka tidak boleh berpaling tadah daripada MIB, walau apapun bidang pendidikan yang mereka pilih atau ambil.

Seyogia diingat, MIB bukanlah hanya untuk disandarkan kepada mata benda, seperti ada yang menyebut: “Kuih MIB” atau “Pakaian MIB” atau “Reka bentuk MIB” dan seumpamanya. Tetapi yang lebih utama untuk difahami di sini, bahawa MIB itu juga adalah sistem atau dasar atau nilai sistem bagi Brunei Darussalam.

Lalu kerana itu, janganlah ada yang sampai terbabas daripada landasan atau yang cuba meminati yang lain dari MIB. Jika ada ini, sikap sedemikian itu adalah tidak patriotik selaku warga Brunei.

Di kesempatan ini, beta sukacita mengucapkan tahniah kepada dua orang pelajar yang terpilih untuk menerima anugerah biasiswa The Chancellor’s Scholar Universiti Brunei Darussalam bagi sesi 2017/2018 dalam pengajian di institusi-institusi ternama di United Kingdom. Beta difahamkan, antara 9 orang penerima biasiswa berprestij ini, dari tahun-tahun yang lepas, 5 daripada mereka telahpun memulakan perkhidmatan di Universiti Brunei Darussalam.

Beta berharap, penerima-penerima anugerah ini akan terus mempertingkatkan lagi diri masing-masing sebagai *role model* kepada pelajar-pelajar yang lain.

Akhirnya, beta dengan tulus ikhlas mendoakan agar semua pelajar dan pegawai yang bertugas di sini akan sentiasa berada dalam sejahtera dan perlindungan Allah Subhanahu Wata’ala. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.



